



● BIL 280 ● 20 - 26 SEPTEMBER 2024 ● PP1944/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

MOU

jelas

➤ 2-3

**Himpunan RXZ
atau huffaz?**
➤ 8

**Psiko peragut
nyawa**
➤ 9-11

**Pavillion WP
tarikan 3 Wilayah**
➤ 15

Draf dibuat demi keharmonian negara

DI MANA KLAUSA MERUGIKAN?

METRA SYAHRIL MOHAMED

AHLI Parlimen Perikatan Nasional (PN) perlu mengemukakan jawapan dan alasan yang kukuh mengenai klausa yang didakwa merugikan mereka dan rakyat Malaysia.

Ini selepas pemimpinnya bertindak menolak Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang baru-baru ini.

Ahli Parlimen Sungai Petani, **Mohammed Taufiq Johari** berkata dalam draf MoU yang didedahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof jelas tidak mengikat dan mengunci mulut pembangkang daripada terus bersuara.

Bahkan katanya, pembangkang sewajarnya memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan ketelusan dan tatakelola yang baik oleh pihak kerajaan.

“Persoalannya, mengapa pembangkang menolak sebuah usaha murni ini sedangkan setiap kali sidang dewan, mereka berkali-kali menuntut agar diberikan peruntukan yang sama?”

“Adakah pembangkang sedia mengemukakan draf alternatif bagi dinilai untuk perbincangan selanjutnya? Di manakah klausa yang merugikan Ahli Parlimen

pembangkang dan rakyat Malaysia?,” soalnya ketika dihubungi Wilayahku.

Menurut Mohammed Taufiq, kerajaan sedia untuk memberikan peruntukan yang sama rata kepada semua Ahli Parlimen di mana perkara ini tidak dilakukan ketika zaman Pengerusi PN menjadi Perdana Menteri.

“Namun, ia mestilah berlandaskan sebuah persefahaman yang menguntungkan rakyat dan negara,” tegasnya.

Beliau memberitahu, peruntukan Ahli Parlimen tidak termaktub dalam Akta Perkhidmatan Parlimen dan ia merupakan peruntukan khas serta hak mutlak budi bicara Perdana Menteri.

Katanya, meskipun tidak disalurkan kepada wakil rakyat, peruntukan tersebut tetap diberikan secara terus kepada rakyat melalui agensi dan kementerian.

“Kita kini sedang menuju ke sebuah senario politik yang matang di mana Ahli Parlimen sewajarnya berbahas dan berdebat mengenai sesebuah polisi negara, bukan berbalah dan terus berpolitik mengenai sentimen yang memecahbelahkan masyarakat.

“Sebagai pemimpin dan ahli politik, kita perlu tunjukkan sikap



PERUNTUKAN Ahli Parlimen tidak termaktub dalam Akta Perkhidmatan Parlimen. - Gambar hiasan

tauladan kepada rakyat dan persefahaman ini amatlah penting. Suatu MOU yang konstruktif antara pihak kerajaan dan pembangkang amatlah perlu dalam mencapai kesepakatan demi kebaikan bersama.

“Kita lihat pada zaman pemerintahan Ahli Parlimen Bera (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob), setiap gabungan parti menghantar wakil perunding dan terbuka pada

perbincangan demi kepentingan rakyat. Namun ketua pembangkang ketika ini telah menolak draf MoU tanpa alasan yang kukuh,” katanya.

Katanya, draf yang dibuat kerajaan adalah demi mencapai sebuah persefahaman yang membawa ke arah keharmonian negara.

“Isu penting mengenai hak keistimewaan orang Melayu, Bumiputera, Islam dan isu

3R (bangsa, agama dan raja) khususnya, tidak boleh digugat dan dipolitikkan.

“Kita lihat jika perkara-perkara ini tidak dicapai, maka akan wujud pelbagai aksi ahli politik yang menimbulkan kekacauan dalam negara kita. Kita perlu memainkan peranan dalam mengembalikan kepercayaan pelabur asing dan mengukuhkan kestabilan Malaysia,” katanya. 

Cadang wujudkan Penyelaras Parlimen

TINDAKAN Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) menolak Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang mewajarkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan sumber kewangan itu kepada pihak lain.

Perkara itu ditegaskan Ahli Parlimen Hulu Langat, **Mohd Sany Hamzan** yang mencadangkan kerajaan mewujudkan Penyelaras Parlimen di kawasan pembangkang agar peruntukan itu dapat disalurkan melalui badan berkenaan.

Malah beliau turut memberi cadangan peruntukan yang ditolak pembangkang itu diberikan kepada agensi-agensi daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya kebajikan rakyat di kawasan terlibat tidak terabai.

“Kalau tak mahu, tidak mengapa,

Kerajaan Persekutuan boleh salurkan peruntukan berkenaan kepada agensi-agensi yang ada. Contohnya wujudkan Penyelaras Parlimen di kawasan Parlimen dikuasai pembangkang itu.

“Namun apa yang dikesali adalah, ini (peruntukan) masih di peringkat perbincangan, kenapa semuanya hendak didedahkan kepada media? Sebab itu ia dipanggil perbincangan, tak puas hati, duduk semula (berbincang),” katanya kepada Wilayahku.

Beliau kemudiannya merujuk fakta ketika Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob daripada Barisan Nasional (BN) menjadi Perdana Menteri pada 2021.

“Kita, Pakatan Harapan (PH) ketika itu pembangkang dan banyak kali berbincang dengan Perdana Menteri

berkait soal peruntukan. Itulah dinamakan perbincangan. Seperkara lain, terma dahulu dan sekarang tak sama,” katanya.

Mohd Sany turut menempelak pembangkang yang mempersoal isu pengisytiharan harta dan perkara berkaitan bangsa, agama dan raja-raja (3R) yang terkandung di dalam MoU terbabit.

“Perkara yang didedahkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, soal isytihar harta, apa masalahnya? Bukan susah mana pun nak ikut apa yang ada dalam MoU itu.

“Jangan menyentuh soal 3R, jangan buat fitnah atau caci maki, tiada apa yang salah (dalam MoU berkenaan). Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu patuh kepada raja dan negara, ini negara kita, jangan semai benih perpecahan.

“Tiada apa yang salah (sehinggakan hendak menolak MoU),” katanya. 



SANY HAMZAN

Peluang terlepas

PENOLAKAN Perikatan Nasional (PN) terhadap cadangan Memorandum Persefahaman (MoU) peruntukan pembangkang mendedahkan banyak perkara mengenai keadaan politik.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, **Syerleena Abdul Rashid**

berkata kerajaan mengemukakan MoU sebagai tawaran damai, satu usaha untuk mewujudkan kestabilan politik dan memupuk kerjasama merentas parti dengan tujuan menyatukan negara di tengah-tengah cabaran ekonomi dan sosial.

Namun penolakan menunjukkan bahawa polarisasi politik dan kerumitan berterusan dalam mencapai persetujuan dua hala.

“Apa sebenarnya isu di sini? Pertama sekali, pendirian PN menunjukkan keraguan mendalam terhadap pendekatan Kerajaan MADANI sama ada disebabkan oleh perbezaan ideologi, keutamaan dasar atau

strategi politik menjelang pilihan raya akan datang.

“Dengan menolak MoU, PN mungkin mempertaruhkan strategi untuk mengekalkan sokongan pengikutnya sekali gus menunjukkan bahawa mereka tidak akan berkompromi dengan sesuatu yang tidak selari agenda mereka,” katanya.

Tambahnya, ini adalah satu peluang yang terlepas dan pada saat rakyat inginkan penyelesaian dan kemajuan, pergelutan politik nampaknya menjadi tumpuan utama.

Katanya, Malaysia memerlukan pemimpin yang bersedia untuk mengetepikan perbezaan politik demi kebaikan bersama.

“Jalan menuju perpaduan adalah tidak mudah, tetapi ia penting untuk membina masa depan yang mencerminkan semangat Malaysia MADANI,” katanya. 



SYERLEENA

Bawa bencana besar kepada rakyat

PENOLAKAN Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Persekutuan dengan Ahli Parlimen pembangkang oleh blok pembangkang disifatkan satu bencana besar kepada rakyat.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfik Yaakub** berkata ia adalah kerana peruntukan dan dana yang akan disuntik bagi tujuan pembangunan dan kebajikan.

“Bagi saya MoU ini masih berada di peringkat perbincangan dan rundingan maka tidak wajar ditolak sedemikian kerana ruang untuk memastikan draf MoU diterima oleh kedua-dua pihak masih ada.

“Suara yang menyatakan draf ini menyebabkan hak istimewa orang Bumiputera Melayu terancam menerusi pembahagian sama rata tidak betul kerana Perlembagaan telah menjamin hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera.

“Malah apa yang dikatakan hanya sekadar jangkaan bukan realiti sebenar,” katanya ketika dihubungi

Wilayahku baru-baru ini.

Tambah Mohamad Tawfik, isu berbangkit berhubung MoU tersebut memerlukan satu ‘political will’ atau azam politik serta kematangan berpolitik demi rakyat.

“Jika dilihat apa yang cuba dilakukan oleh pihak pembangkang hanyalah merupakan satu gimik politik untuk memastikan mereka terus mendapat perhatian rakyat.

“Pada hakikatnya, mereka sudah ketandusan isu dan berhadapan defisit kepercayaan rakyat setelah gagal membentuk Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lalu,” ujarnya.

Jelas Mohamad Tawfik, adalah lebih baik MoU tersebut dilaksanakan terlebih dahulu bagi melihat keberkesanan serta hasilnya.

“Bagi saya MoU itu perlu dilaksanakan terlebih dahulu dan jika benar dakwaan pembangkang terjadi maka tamatkanlah MoU dan

biarlah rakyat menilai nanti.

“Diharapkan di blok pembangkang jangan jangka perkara yang belum berlaku dan tidak pasti.

“Kemudian saya lihat pembangkang tidak boleh menggunakan ruang terbuka membincangkan tentang MoU kerana sehingga hari ini kedua-dua pihak masih di meja perundingan,” katanya.

Menurut Mohamad Tawfik, pembangkang hanya menggunakan isu MoU bagi bermain politik dan mencari publisiti.

“Pada pendapat saya, ia seperti dilihat blok pembangkang sebenarnya tidak jujur dengan proses serta sekadar mencari publisiti.

“Meskipun pembangkang menolak kita lihat kerajaan masih mahu berunding, jelas keikhlasan dan kejujuran untuk menyalurkan peruntukan berada di pihak kerajaan,” jelasnya.



MOHAMAD TAWFIK

Mengulas lanjut, beliau menyarankan membentuk satu jawatankuasa khas bagi mengambil alih proses merealisasikan MoU tersebut supaya berjalan lancar.

“Saya menyarankan agar sebuah jawatankuasa khas terdiri daripada tokoh akademik, bekas hakim dan ekonomi ditubuhkan untuk mengambil alih proses merealisasikan MoU ini supaya berjalan lancar dan tidak lagi menimbulkan keraguan oleh mana-mana pihak.

“Jika pembangkang masih menolak MoU selepas itu, saya yakin rakyat akan menolak mereka dalam pilihan raya akan datang.

“Selain itu, kerajaan boleh terus menyalurkan dana dan peruntukan kepada pejabat daerah dan Penyelaras Parlimen tanpa menunggu MoU ditandatangani,” katanya.

Tambahnya, kerajaan tidak terjesa apa pun kerana peruntukan kepada rakyat boleh disalurkan melalui kaedah lain seperti Penyelaras Parlimen yang dilantik

oleh kerajaan dan pejabat daerah atau pihak berkuasa tempatan.

Katanya, implikasi negatif kepada pembangkang yang ego dan merosakkan rundingan di tengah jalan apabila membuat siaran makluman secara terbuka ketika perbincangan masih berlangsung.

“Banyak manfaat terutamanya kepada rakyat jika MoU tersebut dapat dilaksanakan.

“Selain itu, MoU ini juga menandakan bermulanya genjatan politik kepada semua Ahli Parlimen dan parti bagi menumpukan usaha menstabilkan politik dan membangunkan ekonomi tanpa sebarang sabotaj yang boleh melemahkan negara setelah kita keluar daripada masalah COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

“Di samping itu, ia juga memperlihatkan kematangan politik pembangkang untuk membantu kerajaan ketika negara sedang fokus kepada usaha membangunkan semula pelbagai sektor ekonomi yang terjesa,” tegasnya.

Hentikan polemik draf MoU

DUDUK SEMEJA BERBINANG

KERAJAAN dan pembangkang perlu berbincang bersama secara serius berhubung draf Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang yang ditolak ketuanya, Datuk Seri Hamzah Zainudin pada Ahad lalu, kata penganalisis politik.

Profesor Madya Dr Mohd Azmir Mohd Nizah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata kedua-dua pihak perlu duduk semeja jika objektif MoU adalah untuk mencari kestabilan politik.

“Ini bagi jaminan mengenai Dana Pembangunan Kawasan Parlimen (*Constituency Development Fund*) dan juga kemakmuran ekonomi sebagaimana yang ternyata dalam MoU itu sendiri. Ini kerana proses draf MoU itu sudah terlalu lama. Sebaiknya dimeterai segera,” katanya.

Mengulas lanjut, Azmir meminta pembangkang menghentikan polemik draf MoU peruntukan itu.

Beliau berkata jika tidak diselesaikan segera, kerajaan boleh sahaja menghentikan proses MoU itu sekiranya berpendapat tiada keperluan dan kerajaan kukuh tanpa MoU tersebut.

“Pembangkang pula, perlu terus pandang ke hadapan untuk terus berfungsi sebagai pembangkang. Soal CDF itu perlu punyai alternatif lain,” katanya.

Pada Isnin lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mendedahkan kandungan penuh draf MoU



SEMUA pihak perlu menumpukan sepenuh tenaga memulihkan ekonomi serta mengukuhkan perpaduan. - Gambar hiasan

mengenai peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang yang ditolak Hamzah.

Menurut Fadillah, beliau bertindak mendedahkan butiran kandungan draf MoU itu memandangkan pihak pembangkang lebih gemar membuat kenyataan melalui media.

Justeru, beliau berharap tindakannya itu membuktikan ketelusan Kerajaan MADANI dan mahu mewujudkan suasana aman dan

harmoni supaya semua Ahli Parlimen lebih fokus kepada usaha pemulihan ekonomi, selain dapat

memainkan peranan konstruktif sebagai semak dan imbang.

Dalam kenyataan itu, Fadillah menghuraikan enam perkara mengenai draf MoU iaitu tempoh berkuat kuasa, obligasi Perikatan Nasional (PN), obligasi Kerajaan Persekutuan, ketelusan dan tiada kerahsiaan, pemakaian undang-undang dan pembatalan memorandum.

Obligasi PN pula ialah menyentuh mengenai peranan dan fungsi Ahli Parlimen pembangkang sebagai komponen penting dan akujanji sebagai

Ahli Parlimen pembangkang berwibawa, perlu bertindak sebagai komponen semak dan imbang yang bertanggungjawab dan membina.

Ia juga menyentuh pematuan kepada Perlembagaan Persekutuan dan sistem demokrasi berparlimen.

Obligasi Kerajaan Persekutuan pula, antara lain mengakui bahawa Ahli Parlimen pembangkang mempunyai peranan yang besar sebagai pembangkang dengan menunjukkan kesetiaan kepada negara, Perlembagaan Persekutuan

dan institusi diraja, serta bertindak untuk semak dan imbang secara sah dan bertanggungjawab.

Hamzah berkata keputusan menolak dua draf cadangan MoU yang membabitkan antara kerajaan dengan parti PN dan antara kerajaan dengan semua Ahli Parlimen PN itu dibuat atas empat sebab *fundamental*.

Awal bulan ini, Ketua Whip PN, Datuk Seri Takiyuddin Hassan mendedahkan terdapat tujuh syarat yang didakwa dikenakan Kerajaan Perpaduan yang perlu dipenuhi Ahli Parlimen pembangkang bagi membolehkan mereka mendapat peruntukan seperti dituntut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 9 Julai lalu dilaporkan berkata isu agihan peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang tidak patut menjadi isu rumit diselesaikan kerana membabitkan syarat asas dan proses biasa dalam mana-mana rundingan serta amalan demokrasi.

Sementara itu, Felo Majlis Profesor Negara dan Akademi Penyelidikan Nusantara (NASR), **Profesor Dr Azmi Hassan** berkata beliau tidak melihat satu syarat dari draf MoU itu yang melanggar Perlembagaan.

Beliau berkata apa diminta dalam MoU itu hanyalah tidak menyentuh isu sensitif.

“Ego politik memainkan peranan besar sehingga PN menolak syarat-syarat draf MoU daripada kerajaan. Di sini yang rugi bukan kerajaan atau PN. Tetapi sebaliknya yang rugi penduduk di kawasan pembangkang yang tidak dapat peruntukan,” katanya.



MOHD AZMIR



AZMI

Dituduh burukkan GISB

PM TEGAS ISU AKIDAH

NEGARA digemparkan dengan isu dakwaan jenayah serta penganiayaan kanak-kanak di rumah amal yang dikaitkan dengan syarikat Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISB).

Biarpun masih tertumpu bagi kertas siasatan fasa pertama dan kedua Op Global namun terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab mengaitkannya dengan isu berbaur politik.

Di laman sosial, ada yang menuduh kononnya pihak kerajaan sengaja ingin memburuk-burukkan imej GISB dengan tuduhan liwat dengan mendakwa pemimpin Cina dalam kerajaan tidak senang dengan kejayaan syarikat Islam itu.

Ada juga yang mendakwa Anwar terpaksa 'melayan' permintaan pemimpin-pemimpin itu kerana mahu terus disokong oleh mereka.

Isu tidak masuk akal itu turut dikaitkan dengan ucapan PM pada Konvensyen Usahawan Cina Sedunia ke-17 baru-baru ini yang dikatakan menyanjung tinggi peranan usahawan Cina di Malaysia dan di peringkat global.

Paling tidak masuk akal, pihak yang suka menanggung di air keruh itu turut mengaitkan isu GISB dengan PMX yang dilihat sengaja melewati-lewatkan siasatan.

Usah melulu menuduh kerana Anwar baru-baru ini telah pun menegaskan isu berkaitan akidah, salah guna kuasa, salah guna agama dan penderaan adalah perkara besar jika terbukti benar.

Malah beliau menyerahkan



GISB didakwa melakukan penganiayaan kanak-kanak. - Gambar hiasan

sepenuhnya kepada pihak polis untuk menyiasat sekali gus membuktikan keprihatinan beliau terhadap isu panas tersebut.

"Biar polis buat siasatan dan tindakan mengikut undang-undang, pihak majlis agama terutama di Wilayah Persekutuan dan saya lihat juga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Ramai tanya kenapa (berlaku) kelewatan, langkah dalam ambil

tindakan, jadi saya sudah bawa perkara ini supaya diambil tindakan segera (dalam) siasatan dan laporan," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Iman Kampung Desa Putra, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Terdahulu, dalam Op Global yang dijalankan baru-baru ini, seramai 402 kanak-kanak dan remaja berusia setahun hingga 17 tahun diselamatkan dari 20 rumah amal dikendalikan kumpulan perniagaan

itu yang dikatakan bermotif agama di sekitar Selangor (18) dan dua di Negeri Sembilan.

Malah, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain sebelum ini memaklumkan, siasatan mendapati modus operandi yang dilakukan di rumah amal dikaitkan GiSB adalah mangsa diajar dan dididik cara meliwat dan seterusnya mangsa diliwat oleh penjaga dan dipaksa untuk meliwat penghuni kanak-kanak yang lain. 

Prihatin terhadap semua pekerja

BARU-BARU ini ramai yang menyatakan ketidakpuasan hati kononnya kerajaan hanya fokus menjaga penjawat awam sahaja dengan memberi segala faedah kepada golongan tersebut.

Malah rata-ratanya meluahkan rasa kecewa terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan tidak mengambil berat serta mengabaikan peranan pekerja swasta dalam pembangunan negara.

Mereka ini dilihat seolah-olah terlalu sensitif dan melulu menuduh sedangkan Anwar menegaskan kejayaan penswastaan bukan hanya diukur melalui keuntungan kewangan, tetapi juga melalui kebajikan pekerja.

Memetik ucapan beliau pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) di Putrajaya, baru-baru ini, beliau berkata perhatian khusus harus diberikan kepada keadaan upah, terutama bagi pekerja di peringkat rendah.

"Kedua, perumahan mereka. Ketiga, pendidikan mereka, termasuk pendidikan anak-anak pekerja.



BARISAN penjawat awam, wakil-wakil syarikat swasta serta mahasiswa yang hadir pada PIKAS 2030 di Putrajaya.

Hal-hal ini mesti diberi perhatian. Tanggungjawab menyediakan perumahan tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan manakala kebajikan pekerja mesti diutamakan dalam proses penswastaan," ujar Anwar.

Menurut beliau, konsep ekonomi yang mampan adalah yang memberi perhatian kepada aspek kognitif manusia dan memastikan kesejahteraan pekerja terjamin.

"Barulah konsep ekonomi

yang prihatin dan mampan dapat direalisasikan, kerana kemampanan bukan hanya tentang keuntungan dan kelestarian. Ia merangkumi aspek yang mengangkat martabat insan itu sendiri," ujar beliau.

Terdahulu, seramai 1.6 juta penjawat awam menerima 'durian runtuh' menerusi pengumuman yang dibuat Anwar mengenai pelarasan gaji baharu kumpulan tersebut.

Antara yang menjadi tarikan

dan bualan ramai adalah kenaikan gaji meliputi pelbagai kumpulan jawatan dalam perkhidmatan awam antaranya kumpulan pelaksana akan menerima kenaikan sebanyak lapan peratus pada Fasa 1 (Disember 2024) dan lapan peratus pada Fasa 2 (Januari 2026).

Kumpulan Pengurusan dan Profesional akan menerima kenaikan sebanyak empat peratus pada Fasa 1 (Disember 2024) dan tiga peratus pada Fasa 2 (Januari 2026).

Manakala kumpulan Pengurusan Tertinggi akan menerima kenaikan sebanyak empat peratus pada Fasa 1 (Disember 2024) dan tiga peratus pada Fasa 2 (Januari 2026).

Dalam masa sama, tidak dilupakan juga Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berpencen akan ditambah daripada RM300 kepada RM500 sebulan bagi yang layak.

Sebenarnya banyak lagi keistimewaan yang diberikan kepada penjawat awam. Namun pekerja swasta jangan gusar kerana Perdana Menteri juga mahukan yang terbaik buat anda. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

26/7-26/9/24: Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

29/6-28/9/24: MYARTS@JKKN 2024 @ MaTiC KL Lobby

19 - 20/10/24: Gendang Sedunia @ Zepp Kuala Lumpur

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

19 - 22/9/24: Karnival Komuniti & Pesta Air Putrajaya 2024 @ Kompleks Futsal, Presint 18

27 - 28/9/24: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 @ Taman Wetland, Presint 13

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

27 - 29/9/24: Borneo Arts Festival 2024 @ Ujana Kewangan

27 - 29/9/24: Festival Gasing @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 /**

019-266 5850

Mangsa kebakaran peroleh penempatan

CAKNA dengan nasib yang menimpa mangsa kebakaran di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia baru-baru ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menghulurkan sumbangan sebanyak RM1,000.

DBKL berkata sumbangan tersebut diberikan kepada seorang ibu tunggal dengan tiga orang anak yang merupakan ketua penghuni unit terbabit.

"DBKL turut menawarkan unit rumah yang baharu di blok sama kepada mangsa sebagai penempatan semula wanita tersebut dan anak-anak," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, DBKL berkata siasatan oleh pihak bomba mendapati kebakaran tersebut berpunca daripada peralatan elektronik *power bank* yang ditinggalkan dalam keadaan sedang dicaj pada soket elektrik.

"Lebih caj telah mengakibatkan cetusan api dan membakar unit tersebut.

"Penghuni Perumahan Awam (PA) dan PPR khususnya diingatkan agar lebih berhati-hati dalam mengendalikan barangan elektronik yang digunakan agar insiden sebegini tidak berulang pada masa akan datang," ujarinya.

Tambahnya, DBKL akan terus

komited dalam memastikan keselamatan unit PA dan PPR sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik.

Terdahulu, kejadian yang dilaporkan sekitar pukul 6 pagi pada 14 September 2024 itu telah memusnahkan keseluruhan unit didiami mangsa bernombor 43-10-15.

Tiga unit lain turut terjejas bekalan elektrik dan satu unit mengalami kerosakan akibat kejadian tersebut.

Menurutnya insiden tersebut turut mengakibatkan kerosakan pada dinding ruang kaki lima dan siling koridor tingkat 10, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan. 📸



KEADAAN rumah yang terlibat dalam kebakaran yang berpunca daripada power bank.



ZALIHA (kanan) dan Maimunah (kiri) pada Majlis Peluncuran Festival Kreatif KL di The Toffee.

Festival Kreatif KL

TEROKAI SEJARAH

DIANA AMIR

FESTIVAL Kreatif KL diadakan dalam usaha menghidupkan semula kawasan teras bersejarah ibu kota dengan sejarah, seni bina, komuniti dan budaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, berkata festival tersebut berfungsi sebagai platform utama yang mempamerkan warisan budaya Kuala Lumpur yang kaya.

"Ia juga selaras dengan matlamat Rangka Kerja Ekonomi MADANI Malaysia untuk pembangunan inklusif dan mampan. Selain itu, memperkasa pusat bandar KL sebagai hab kreatif dan budaya akan menyokong usaha lebih luas untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kebolehdiaman bandar Wilayah Persekutuan ini.

"Komitmen berterusan kami untuk menjadikan Kuala Lumpur pusat kreatif global mencerminkan matlamat kami untuk mengubah ruang awam menjadi tempat dinamik yang memacu inovasi dan memperluas infrastruktur kreatif, menjadikan bandar ini

destinasi utama untuk bakat serta perniagaan kreatif," ujar beliau.

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Think City, Datuk Hamdan Abdul Majeed berkata Festival Kreatif KL bukan sekadar acara namun ia adalah satu gerakan untuk menemui dan membayangkan semula pusat bandar KL dengan menjemput pengunjung meneroka permata tersembunyi serta berinteraksi dengan sejarah bandar.

"Festival ini bertujuan meletakkan pusat bandar KL di pentas global sebagai destinasi budaya yang dinamik.

"Selepas lima tahun dan pandemik global, kami kini bersedia untuk memajukan Pelan Induk Strategik KLCCD, terima kasih atas sokongan daripada Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan (MoF).

"Dengan sokongan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Perdana Menteri, bersama-sama dengan Kementerian Kewangan (MoF), usaha kami untuk memperkasakan komuniti kreatif di Pusat Bandar KL

dan menginstitusikan pelan induk ini kini mula membuahkan hasil.

"Ia melambangkan kerjasama dengan artis tempatan dan antarabangsa, mempamerkan karya mereka dan meletakkan Kuala Lumpur sebagai hab kreatif yang semakin berkembang di rantau ini," katanya dalam satu kenyataan.

Jelasnya, acara festival akan mengaktifkan beberapa kawasan utama termasuk Presint Sivik (Kawasan Warisan Dataran Merdeka, Panggung Bandaraya), Presint Peruncitan Tradisional (Semua House), Presint Segi Tiga Warisan (Jalan Tun HS Lee, Jalan Tun Perak, Medan Pasar, Central Market), Presint Petaling Street (Kwai Chai Hong) dan Kawasan Merdeka 118 (Kampung Attap).

Terdahulu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif turut hadir pada Majlis Peluncuran Festival Kreatif KL di The Toffee.

Acara utama festival ini termasuk KALAM: Confluence of Writers & Ideas, Tayangan Perdana Dunia SEKA dan banyak lagi. 📸

DBKL giat operasi

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus komited dalam memastikan ibu kota sentiasa selesa didiami dan setiap perniagaan yang dijalankan adalah berlandaskan undang-undang yang telah ditetapkan.

Justeru DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan Operasi Bersepadu (Premis Berisiko).

DBKL berkata operasi yang dijalankan di sekitar Parlimen Bandar Tun Razak dan Segambut itu melibatkan premis yang mengadakan aktiviti hiburan, menggajikan warga asing tanpa permit sah, menjalankan aktiviti selain yang dilesenkan serta kesalahan-kesalahan lain.

"Hasil daripada risikan dan siasatan yang dijalankan di sekitar kawasan tersebut, sebanyak lima buah premis perniagaan telah dikenal pasti dan diambil tindakan penguatkuasaan.

"Sebanyak sembilan notis kompaun telah dikeluarkan di bawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, tiga Notis Pemberitahuan Tentang Kesalahan dan satu premis telah dikenakan tindakan tutup serta-merta di bawah Akta Hiburan (WPKL) 1992," katanya menerusi satu hantaran di laman rasminya.

Tambahnya, pihak PDRM juga telah melakukan tangkapan terhadap lima orang individu yang dipercayai terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

"Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti. Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan tertera seperti berikut <https://adukl.dbkl.gov.my/>," ujarinya.

Dalam pada itu, DBKL turut mengenakan tindakan kompaun dan sitaan terhadap premis warga asing di Parlimen Titiwangsa.

"Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL telah menutup dua buah premis dan mengeluarkan 14 notis kompaun menerusi peruntukan di bawah UUK 3(1) Undang Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen sah dari DBKL dan UUK 22(1) (b) serta lima kes sitaan di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit Bangunan 1974," ujarinya.

Jelasnya, tindakan khas tersebut dijalankan oleh DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa.

"Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya. 📸



SEKITAR operasi yang melibatkan premis hiburan baru-baru ini.



SEMINAR Kecemerlangan SPM peringkat Labuan yang diadakan secara percuma baru-baru ini.

YWP fokus tingkat taraf hidup

BANTU WARGA B40

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) tidak pernah mengabaikan Wilayah Persekutuan Labuan dalam menyampaikan sebarang bantuan.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Gulam Muszaffar Gulam Mustaqim** berkata sejak ditubuhkan, YWP sentiasa cakna dengan setiap keperluan warga Labuan dari segi kebajikan, pendidikan dan sebagainya.

"Mungkin terdapat sedikit masalah komunikasi yang membuatkan program sampingan kita kurang diuar-uarkan kepada rakyat Labuan.

"Sebagai contoh kita mempunyai Program Bantuan Wang Belanja Harian di mana wang saku sebanyak RM7 sehari diberikan kepada pelajar terpilih dan seramai 100 lebih pelajar telah menerima manfaat," katanya ketika sesi Podcast Masa Rehat baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Gulam berkata

pihak YWP turut menawarkan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Kita sudah menghantar seramai 13 warga labuan bagi mengikuti kursus TVET dengan jumlah kos RM10,000 seorang.

"Ada beberapa program lain juga yang kita akan tawarkan seperti Derma Siswa IPT di mana RM700 akan diberikan secara *one off* kepada mereka yang layak berdasarkan beberapa kriteria yang kita akan lihat.

"Tidak lupa juga untuk pelajar IPT yang cemerlang dan berjaya memperoleh keputusan CGPA 3.00 dan ke atas bantuan sebanyak RM3,000 diberikan.

"Program YWP adalah khas buat tiga wilayah sahaja dan kita memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah (B40) iaitu RM4,000 ke bawah," jelasnya.

Tambahnya lagi, Program Back To School juga akan diadakan semula di Labuan bagi membantu anak-anak kecil untuk meneruskan sesi persekolahan mereka.

"Insya-Allah dalam masa terdekat kita akan buat Program Back To School tetapi buat masa ini ia masih dalam perancangan untuk dilaksanakan di semua Wilayah Persekutuan.

"Saya bagi jaminan bahawa Labuan tidak akan terpinggir untuk program tersebut," ujarnya.

YWP mengalu-alukan sumbangan daripada individu atau syarikat korporat dalam usaha meningkatkan taraf hidup warga kota.

"Sumbangan boleh disalurkan ke Tabung Kebajikan & Pelajaran YWP di CIMB Bank (8001103675) atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP," katanya. 

FPM@KL diharap jadi acara tahunan

SERAMAI 2,378 peserta terdiri daripada badan beruniform, sektor korporat dan terbaharu institusi pengajian tinggi turut terlibat di dalam pertandingan permainan tradisional sempena Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur (FPM@KL) 2024 baru-baru ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), **Mohd Amran Mohd Haris** berkata FPM@KL bertujuan untuk menyemarakkan lagi permainan tradisional dan sukan rakyat pelbagai kaum di Malaysia.

"Program yang telah memasuki sembilan tahun penganjuran dan berkonsepkan festival yang merangkumi pelbagai aktiviti dan pengisian seperti pertandingan permainan tradisional, permainan interaktif, pameran dan demonstrasi, persembahan serta jualan dan banyak lagi," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Amran berkata pengisian lain yang turut memeriahkan FPM@KL 2024 adalah Permainan Lagenda Rakyat seperti terompah gergasi, susun bata, kaki hantu, kereta sorong, lari dalam guni berkembar, tarik upih pinang, kelereng, tuju tin, bola beracun dan raja dijulang.

"Festival kali ini juga turut melibatkan pelancaran Senam Seni 2.0 iaitu modul baharu senam seni yang merupakan senaman hasil inisiatif daripada JKKN menggunakan kaedah gerak tari melibatkan penyertaan 1,000 orang peserta.

"Antara perkara yang ditambah baik adalah dari segi durasi masa, di mana Senam Seni 2.0 hanya berdurasi selama 18 minit berbeza dengan Senam Seni Malaysia selama 30 minit dan secara keseluruhan gerakan 70% kecergasan dan 30% gerakan seni. Pelancaran Senam Seni ini turut menampilkan Selebriti dan Artis tersohor negara iaitu Izzue Islam, Mimi Fly, Nur Dhabitah Sabri dan Kevin Zahari," ujarnya.

Tambahnya, FPM@KL 2024 mendapat sokongan yang padu lebih daripada 40 rakan kerjasama dan juga penaja-penaja.

"Besar harapan saya agar FPM@KL terus menjadi acara tahunan negara dalam mengangkat dan memulihara keunikan kesenian serta kepelbagaian warisan tradisi rakyat Malaysia.

"Selain itu juga, penganjuran festival ini diharap dapat menyediakan peluang penajaan pendapatan kepada usahawan seni budaya dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat serta membantu badan bukan kerajaan (NGO) seni budaya melalui acara sebegini," katanya. 

FSY2024 perkasa ekonomi Islam

BUAT julung kalinya, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) menganjurkan Forum Serantau YAPEIM 2024 (FSY2024) yang akan menghimpunkan 60 penceramah dan ahli panel dari dalam serta luar negara dengan pelbagai latar belakang selama dua hari iaitu pada 1 dan 2 Oktober ini.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur FSY2024, **Profesor Datuk Dr Saadiah Mohamad**, forum yang mengetengahkan tema Memperkasa Ekonomi MADANI Melalui Sinergi Rangkaian Serantau itu akan menampilkan panel dari Indonesia, Kemboja, Singapura, Thailand dan United Kingdom, selain Malaysia.

"Antara topik akan dikupas ialah usaha memerangi kemiskinan tegar dan ketidaksamaan; kewangan Islam, teknologi kewangan dan ekonomi bernilai tinggi; ekonomi digital; industri halal dan pelancongan



SAADIAH (kanan) ketika sidang media FSY2024 di Hotel Marriott Putrajaya.

Islam serta pemerikasaan institusi dan agensi Islam.

"FSY2024 bermatlamat mengumpulkan pengamal dan pemikir dalam ekonomi serta kewangan Islam bagi mengenal pasti cabaran.

"Begitu juga kehendak ekonomi dan kewangan semasa selain merancang pelbagai pendekatan dan strategi berkesan untuk membantu kerajaan membangun ekonomi umat Islam.

"Kita mahu memperkasa sektor

ketiga dalam usaha membangunkan ummah dengan lebih efisien dan tadbir urus yang baik di samping mengeratkan rantaian dan mewujudkan sinergi ekonomi antara ummah di rantau Nusantara," katanya pada sidang media yang diadakan di Hotel Marriot Putrajaya baru-baru ini.

Saadiah berkata pelaksanaan FSY2024 diharap dapat memperkasakan pembangunan ekonomi Islam di Asia Tenggara terutama ketika rantau ini sedang menikmati kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi menggalakkan.

"Fokus kami bukan sahaja pada Malaysia tetapi seluruh Nusantara dengan harapan kami dapat memanfaatkan masa yang menarik ini (kemakmuran) dan ketika dunia yakin terhadap ekonomi kita," ujar beliau.

Dalam pada itu, Saadiah berkata 80 peratus ceramah dalam forum itu akan dikendalikan dalam

bahasa Melayu sebagai usaha mempromosikan sebagai lingua franca Nusantara.

"Bagaimanapun, beberapa sesi pembentangan oleh penceramah luar negara akan dijalankan dalam bahasa Inggeris. Ini bertujuan memastikan penyertaan yang luas dan memudahkan pemahaman dalam kalangan peserta dari seluruh rantau Nusantara.

"Forum dijangka dihadiri lebih 500 peserta daripada seluruh ekosistem ekonomi dan kewangan Islam termasuk sektor infaq dan wakaf.

"Kita memberi fokus kepada pembangunan ekonomi dan aspek yang memberikan sumbangan kepada ekonomi benar. Oleh itu, forum ini turut membabitkan sektor infaq dan kewangan sosial yang kurang diberi perhatian dalam forum besar," ujarnya.

Lebih istimewa, beliau berkata FSY2024 akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. 



KU SEMAN KU HUSSAIN

FENOMENA PRESINT 2

PASAR malam Presint 2 Putrajaya mengingatkan saya pada pasar minggu Kampung Baru di Kuala Lumpur yang sangat popular dalam kalangan penduduk setempat dan kawasan yang berdekatan. Pasar minggu Kampung Baru menjadi unik dan istimewa kerana juadah tradisi dari beberapa negeri, terutama Kelantan.

Pasar minggu Kampung Baru bukan sahaja tempat menjaja, tetapi barang-barang yang dijual di situ mempunyai nilai tradisi terutama makanan dan kuih. Sebahagian besar makanan dan kuih yang dijual jarang ada di tempat lain.

Terdapat juga bermacam-macam jenis buah-buahan dan sayur-sayuran yang sebelum itu hanya boleh didapati di kampung. Malah semua buah-buahan yang hampir pupus itu ada dijual kepada warga Kuala Lumpur. Maka tidak hairanlah sebahagian besar pengunjung bukan sahaja dalam kalangan penduduk Kampung Baru tetapi dari seluruh Kuala Lumpur.

Sekalipun tidak bersifat pasar malam yang menjual makanan atau kuih tradisi, tetapi pasar malam Presint 2 juga sudah menjadi fenomena dalam kalangan warga Putrajaya dan kawasan di sekitar. Ini adalah kelangsungan ilham mewujudkan pasar malam pada awal tahun 1980-an dulu. Bermula di kawasan bandar, kemudian pasar malam berkembang ke seluruh pelosok negara hingga ke kampung-kampung.

Pada asasnya, pasar malam adalah tempat menjual barang makanan mentah seperti sayur-sayuran, ayam dan ikan serta kuih-muih yang dihasilkan oleh masyarakat sekitar. Pasar malam berbeza dengan pasar basah daripada sudut suasana, diadakan pula waktu malam dan hanya sekali atau dua kali seminggu.

Hal itu antara yang membuatkan



PENIAGA pasar malam turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan. - Gambar hiasan

pengunjung tertunggu-tunggu untuk ke pasar malam, selain membeli barang keperluan boleh menikmati juadah di tempat makan yang disediakan oleh pihak pengurusan. Itu menjadi satu ruang masyarakat untuk bersantai bersama-sama keluarga sekalipun kekal namanya sebagai pasar malam.

Dulu pasar malam menjadi tempat penting bagi pelbagai lapisan masyarakat mendapat pelbagai barang keperluan dan makanan. Bagaimanapun kini sudah banyak pasar malam ditambah baik, contohnya pasar malam di Presint 2 yang sekali gus sebagai tempat menjamu selera dengan juadah yang agak sukar ditemui di tempat-tempat makan yang biasa.

Kata orang, kalau pergi ke Kuala Kubu, jangan lupa tulis nama di atas batu. Saya tambah, kalau pergi ke Putrajaya yang kebetulan pada lewat petang Jumaat dan Selasa, jangan lupa singgah ke pasar malam di Presint 2. Bukan sekadar pasar malam, tetapi boleh menikmati keselesaan kerana kebersihan dan khemah-khemah jualan yang seragam.

Letaknya tidak jauh dari Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin atau Masjid Besi. Sekali datang, mungkin akan ulang untuk kali kedua dan seterusnya dan semua itu bukanlah suatu yang luar biasa. Difahamkan inilah satu-satunya pasar malam yang paling bersih dan cekap pengurusan.

Hampir semua dalam kalangan peniaga pula memakai baju-T seragam yang memperlihatkan masing-masing yang berniaga di pasar malam itu memberikan satu yang lebih istimewa berbanding di tempat lain. Maka tidak hairanlah kalau pasar malam Presint 2 satu tanda aras untuk diikuti oleh pasar malam lain.

Setiap Jumaat dan Selasa, seawal pukul 4 petang, pengunjung sudah mulai datang dan menjadi semakin ramai selepas kakitangan kerajaan di Putrajaya keluar dari pejabat. Oleh sebab itu sebahagian besar dalam kalangan pengunjung adalah kakitangan kerajaan yang tinggal di kediaman sendiri atau kuarters di Putrajaya.

PENGERAK EKONOMI

TIDAK dapat dipastikan adakah pihak pengurusan mensyaratkan semua peniaga menyusun semua barang jualan dengan begitu kemas dan amat menarik. Bagaimanapun yang dilihat, begitulah. Cara mempamerkan barangan terutama

buah-buahan dan sayur-sayuran menjadikan pengunjung tertarik untuk membeli.

Selain ikan segar, ikan kering dan sayuran-sayuran, pasar malam Presint 2 juga amat dikenali sebagai tempat juadah yang popular. Bagaikan tidak terpilih juadah yang dijual di pasar malam itu. Ada berbagai-bagai, tidak kira yang moden atau tradisi. Sebab itulah banyak yang membeli dan terus menikmati juadah di khemah yang disediakan.

Pihak pengurusan menyediakan banyak ruang makan di bawah khemah untuk memberikan keselesaan kepada pengunjung. Sejak akhir-akhir ini ruang makan itu ditambah dan sekali gus menjadikan pasar malam Presint 2 itu tempat menjamu selera yang istimewa setiap Jumaat dan Selasa.

Pasar malam itu memberikan kemudahan kepada warga Putrajaya dan kawasan sekitar mendapatkan bekalan makanan mentah yang segar apabila diadakan dua kali seminggu. Malah dalam kalangan kakitangan kerajaan yang paling banyak di Putrajaya, pasar malam itu menjadi tempat utama mendapatkan bahan makanan mentah.

Pasar malam Presint 2 berperanan sebagai penggerak ekonomi golongan peniaga tempatan disebabkan skala yang lebih besar berbanding yang lain. Di pasar malam itu banyak barangan yang dihasilkan oleh industri kecil dan sederhana seperti pelbagai jenis produk termasuk makanan, pakaian, barangan keperluan harian, hiasan rumah dan sebagainya turut dijual dengan harga yang berpatutan.

Para peniaga yang menjual di pasar malam yang kebanyakannya usahawan kecil atau sederhana

yang bergantung kepada kegiatan jualan itu sebagai pendapatan utama mereka. Semakin banyak yang membeli, semakin bertambahlah pendapatan usahawan berkenaan.

Melalui perniagaan di pasar malam, mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan, meningkatkan daya beli penduduk setempat dan seterusnya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat. Kalau dihitungkan, jumlah peniaga serta pembantu masing-masing, itulah peluang pekerjaan yang diisi daripada adanya pasar malam.


Selain itu, pasar malam turut berperanan sebagai tempat pengunjung memperoleh barangan segar dan berkualiti. Terdapat juga pelbagai jenis juadah seperti nasi lemak, sate, rojak, mi goreng kuih dan pencuci mulut tradisional. Bukan sejenis mi goreng, nasi goreng atau nasi ayam. Berbagai-bagai jenis daripada peniaga yang berlainan.

Melampaui aspek ekonomi, pasar malam Presint 2 juga menjadi tempat bersantai dan berehat bagi keluarga atau individu yang ingin menikmati suasana malam sambil menikmati juadah yang menepati selera. Suasana di Putrajaya amat tenang dan damai biarpun di pasar malam.

Oleh sebab itu, peranan pasar malam tidak terhenti pada keperluan ekonomi semata-mata tetapi juga berperanan sebagai satu entiti sosial dalam kalangan masyarakat. Menyusur dari lorong ke lorong pasar malam Presint 2 memberikan satu pengalaman tentang kehidupan. Pertautan antara peniaga dan pembeli merupakan satu kitaran dan saling memerlukan antara satu dengan lain.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

HIMPUNAN RXZ ATAU HUFFAZ?



ZULKIFLI SULONG

'PLAY to the gallery'. Itulah peribahasa Inggeris tentang cara kita mendapat sokongan. Kita akan melakukan apa yang disenangi orang untuk mendapatkan sokongan tanpa mengira apakah ia betul atau salah.

Menurut pakcik Google, makna *play to the gallery* adalah 'membuat sesuatu yang popular di kalangan orang ramai berbanding dengan membuat sesuatu yang betul'.

Minggu lalu, ada dua program yang boleh didakwa sebagai '*play to the gallery*'. Satu di Kuala Terengganu dan satu lagi di Kuala Lumpur.

Di Kuala Terengganu, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar telah menaja, menyokong dan menyertai himpunan pemilik motor RXZ. Turut serta dan seolah-olah merestui perhimpunan ini adalah Ustaz Azhar Idrus yang dijadikan idola oleh ramai anak muda.

Pada siangnyanya ribuan anak muda dari seluruh negara ini mendengar kuliah Ustaz Azhar dan pada malamnya mereka menonton konsert rock yang dikatakan patuh syariah ini.

Berdasarkan peraturan di Terengganu, konsert patuh syariah maknanya tidak melalaikan dan tidak ada percampuran bebas lelaki dan wanita.

Yang menariknya pula tahun ini, perhimpunan ini ditaja juga oleh syarikat pengedar dan penjual vape atau rokok elektronik, sesuatu yang diharamkan oleh kerajaan negeri Terengganu sebelum ini.

Logo syarikat ini dipasang di mana-mana, di *backdrop* pentas, kain rentang dan juga termasuk di bahu baju yang dipakai oleh Ahmad



PERHIMPUNAN RXZ di Kuala Terengganu baru-baru ini merupakan kali yang ke-6. -Gambar hiasan

Samsuri. Penulis tidak pasti apakah Ustaz Azhar juga memakai baju-T rasmi program ini.

Kesemua perkara ini dinamakan '*play to the gallery*' atau membuat sesuatu mengikut kehendak orang yang kita hendak dekati atau untuk mendapat sokongan walau tidak semestinya betul.

Benar, ia sememangnya disenangi anak muda. Sebab itu dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) lalu, Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri hingga beberapa Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas itu, PAS mendapat sokongan penuh anak muda. Ini kerana, perhimpunan RXZ kali ini adalah yang ke-6. Ini bermakna sebelum ini sudah ada lima perhimpunan yang berlangsung pada setiap tahun.

PAS berjaya mengikat hati anak muda dengan pendekatan '*play to the gallery*' ini. Hendak apa sahaja, PAS akan turuti kehendak mereka.

Dalam Muktamar PAS di Temerloh baru-baru ini, PAS membuat resolusi untuk mendekati orang bukan Melayu yang selama ini

sesetengahnya dikategorikan sebagai kafir harbi oleh mereka.

Hatta ada yang mencadangkan dalam muktamar tersebut agar mengahwini mereka untuk membolehkan PAS mendapat undi bukan Melayu dalam pilihan raya akan datang. Ini juga boleh dinamakan sebagai '*play to the gallery*'.

Di Kuala Lumpur, pemimpin Kerajaan Perpaduan mendekati golongan agama dengan menganjurkan himpunan bersama para penghafaz Al-Quran atau huffaz.

Majlis itu berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Ia boleh dikatakan didalangi oleh Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi iaitu Presiden UMNO yang juga Timbalan Perdana Menteri. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyertai majlis ini.

Di majlis ini tidak ada hingar-bingar bunyi RXZ. Yang ada adalah hingar-bingar bunyi manusia mengagungkan Allah dan memuliakan junjungan besar Nabi

Muhammad SAW sempena dengan hari kelahiran Baginda.

Bagi Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Himpunan 24K Huffaz yang berlangsung dengan jayanya menunjukkan komitmen kerajaan dalam memartabatkan Al-Quran dan para huffaz sebagai modal insan yang penting bagi negara.

Ujarnya, himpunan ini adalah manifestasi usaha kerajaan untuk memastikan generasi huffaz terus memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai peneraju moral, etika dan kerohanian.

"Alhamdulillah, Himpunan 24K Huffaz yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Masjid Wilayah Persekutuan telah berlangsung dengan kehadiran seramai 24,000 para huffaz dari seluruh negara.

"Ini merupakan agenda besar kerajaan dalam memartabatkan agenda Islam khususnya Dasar Tahfiz Negara yang dipelopori oleh YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri

Malaysia dalam melahirkan para huffaz profesional yang bukan sahaja menghafaz Al-Quran tetapi menguasai juga pelbagai bidang profesional termasuk bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang mampu memberikan mereka gaji yang premium," katanya menerusi hantaran dalam laman Facebooknya.

Katanya, Program Eksplorasi TVET-Tahfiz turut diperkasakan demi pembangunan huffaz yang seimbang antara ilmu agama dan kemahiran duniawi.

Di majlis ini, lebih 24,000 huffaz melantunkan ayat-ayat suci Al-Quran. Mereka terdiri daripada pelajar tahfiz, guru tahfiz dan alim ulama dari 1,500 buah madrasah tahfiz Al-Quran yang bernaung di bawah Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA) seluruh negara.

Ini dua program yang boleh dikatakan '*play to the gallery*' minggu lalu. Satu mendekati anak muda dengan himpunan RXZ di Terengganu dan satu lagi Himpunan 24K Huffaz mendekati dan menyantuni para huffaz di Kuala Lumpur.

Kepada anda, program yang bercorak '*play to the gallery*' yang mana sepatutnya disokong? Sudah tentu penyokong PAS akan kata, pendekatan Terengganu yang betul manakala penyokong Kerajaan Perpaduan akan kata pendekatan Putrajaya di Kuala Lumpur yang betul.

Ini kerana kedua-duanya bercorak '*play to the gallery*', mahu mendekati penyokong masing-masing. Kalau gitu, anak muda akan terus sokong PAS lah ye manakala orang beragama akan sokong Kerajaan Perpaduan. ehheh ye ke?

INI sekadar catatan dan pandangan penulis sahaja.

Pelancong jatuh cinta



Kawasan hijau dipertahan

"BERHATI-HATI apabila berkunjung ke Malaysia!" Berdebar hati kawan-kawan Kedai Kopi ketika membaca catatan seorang pelancong yang pernah sampai ke negara ini.

Hati tertanya-tanya kenapa dia menulis peringatan seperti itu? Adakah dia mendapati negara ini tidak menyeronokkan? Atau adakah dia telah melalui pengalaman pahit ketika melancong ke negara ini sehingga memberi ingatan kepada pelancong lain?

Rupa-rupanya bukan dia tidak seronok datang ke negara ini, malah sebenarnya dia telah jatuh hati.

Kerana itu dia 'mengingatkan' pelancong lain dari mana negara sekali pun bahawa jika mereka datang sekali, berhati-hati kemungkinan

mereka akan datang berkali-kali lagi selepas itu. Malah seorang pelancong lain menekankan dia sudah pun ketagih.

Sehingga kini sudah empat kali dia datang ke Malaysia. Kehidupan harmoni rakyat pelbagai kaum dengan budaya serta makanan adalah antara tarikan utama.

Rakyat Malaysia memang sangat mesra dan menghormati orang luar. Aspek keselamatan juga terjamin, tiada apa yang perlu dibimbangkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga kerana dari banyak negara di dunia, Malaysia menjadi pilihan utama pelancong dari seluruh dunia. Yang seronoknya mereka datang berulang kali, menunjukkan mereka benar-benar jatuh hati.

SEJAJAR dengan kedudukan sebagai ibu negara dan pusat kewangan serta ekonomi, Kuala Lumpur telah melalui transformasi pesat menjadi sebuah bandar kosmopolitan yang berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain di dunia.

Demi memenuhi tuntutan pembangunan, pelbagai projek dilaksanakan untuk kemajuan ibu kota dan memenuhi keperluan penduduk. Ini termasuk pembinaan rumah, pembinaan jalan baharu atau menambah baik yang sedia ada serta pelbagai fasiliti lain seperti kesihatan, sekolah dan lain-lain.

Ini menjadikan guna tanah di bandar raya berada pada tahap tinggi. Memandangkan jumlah keluasan Wilayah Persekutuan tidak bertambah berbanding pembangunan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, wujud kebimbangan kawasan hijau akan

dikorban untuk pembangunan.

Kawan-kawan Kedai Kopi lega apabila Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif memberi jaminan perkara ini tidak akan berlaku. Kawasan hijau yang digazetkan atau 'paru-paru hijau' di KL tidak akan dikorbankan untuk pembangunan.

Ini merupakan satu jaminan yang melegakan warga kota. Kawasan hijau perlu dipertahan, malah jika boleh ditambah, dalam mengimbangi pembangunan hutan batu. Kawasan hijau menyegarkan mata memandang, tidak hanya terpaku kepada hutan batu apabila melihat sekeliling.

Jaminan datuk bandar, kawasan hijau seperti taman, kawasan rekreasi serta kawasan rizab hijau di ibu negara akan tetap terpelihara. Arus pembangunan tidak akan melanda kawasan ini.



Bil 280 . 20 - 26 SEPTEMBER 2024

Psika

PERAGUT NYAWA

►► 10-11



MASIH SELAMAT KAH KITA?

SABRINA SABRE

KES bunuh melibatkan ahli keluarga mahupun individu terdekat mangsa semakin banyak dilaporkan akhir-akhir sekali gus amat membimbangkan masyarakat apatah lagi rata-rata suspek tidak mempunyai latar belakang penyakit mental serta bebas pengaruh dadah.

Antara kes menggemparkan yang berlaku baru-baru ini melibatkan seorang lelaki yang disyaki terbabit dalam pembunuhan guru yang juga merupakan kenalan kepada mangsa, Istiqomah Ahmad Rozi.

Misteri kehilangan wanita berusia 33 tahun sejak tujuh bulan lalu itu terungkai apabila polis mengesahkan identiti satu mayat yang ditemui tanpa kepala dalam tong sampah di longkang tepi Jalan Alor-Gajah-Tampin berhampiran Kampung Rimau, Pulau Sebang adalah Istiqomah menerusi ujian deoxyribonucleic acid (DNA).

Kes pembunuhan seperti ini sudah tentu membuatkan ramai yang tertanya-tanya apakah punca penyebab atau mendorong lelaki berkenaan bertindak kejam sedangkan yang diragut nyawa itu merupakan kenalan mangsa sendiri?

Menurut Pakar Psikiatri, **Dr Rozanizam Zakaria**, pelbagai aspek perlu diperhalusi bagi memahami mengapa insiden bunuh boleh terjadi.



ROZANIZAM

“Antaranya mengetahui sama ada terdapat sebarang masalah ketika seseorang itu dilahirkan sebagai contoh si ibu trauma sewaktu melahirkan seterusnya mendatangkan kecacatan dari segi perkembangan otak si anak yang membuatnya mengalami kesukaran untuk mengawal perasaan.

“Selain itu, sewaktu di alam persekolahan, adakah seseorang itu pernah dibuli atau didera secara fizikal atau emosi serta pengaruh negatif rakan-rakan terhadap dirinya.

“Personaliti seseorang sama ada *introvert* atau *extrovert* juga boleh mempengaruhi. *Introvert* merujuk kepada individu yang pendiam dan tidak menceritakan masalahnya kepada orang lain dan tidak pandai bergaul. *Extrovert* pula merujuk kepada individu yang dinamik, agresif, suka berada di luar rumah dan mempunyai hobi yang lasak.

“N a m u n begitu, terdapat juga personaliti lain yang boleh mempengaruhi

tindakan seseorang seperti paranoid, antisosial, *histrionic* (orang yang suka berdrama untuk mendapat perhatian) dan lain-lain,” ujarnya.

Beliau berkata maklumat lengkap berhubung kejadian (insiden bunuh) perlu didapati secara terperinci termasuk sebelum, semasa dan selepas kejadian berlaku.

“Lazimnya insiden yang tidak diingini itu berlaku akibat individu terbabit berhadapan dengan pelbagai masalah secara serentak antaranya masalah rumah tangga, tempat kerja, hutang, kesihatan termasuk tiada selera makan, infeksi dan masalah tidur.

“Apabila lambakan masalah datang sekali gus, kadang-kadang manusia akan hilang kemampuan dan pertimbangan. Apatah lagi jika kesihatan diri sendiri turut terjejas seperti kekurangan rehat air dan makanan yang boleh membuatkan bahan kimia di otak terutamanya neurotransmitter tidak stabil dan boleh membuat individu itu menderita psikosis.

“Mendengar suara-suara (halusinasi) yang mungkin menghina, mencaci atau arahan tertentu akan membuat mereka marah dan bertindak luar kawalan termasuk membunuh diri atau orang lain. Mereka juga berkemungkinan mengalami delusi iaitu mempercayai sesuatu perkara yang terbukti salah,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Rozanizam berkata dalam kes seperti di atas terutama jika individu yang terlibat itu masih muda, bahagian perubatan akan cuba mencari punca mengapa kejadian sedemikian boleh berlaku.

“Hal-hal yang perlu difikirkan adalah seperti faktor organik iaitu suatu keadaan apabila sel-sel otak terganggu atau rosak yang membuatkan individu itu bermasalah.

“Antara faktor organik yang perlu diselidik ialah sama ada di bawah pengaruh dadah, infeksi terutamanya di otak, perdarahan dalam otak akibat trauma, gangguan kadar elektrolit dalam darah, masalah sistem endokrin, masalah tumor otak, kurang vitamin tertentu bahkan masalah keracunan makanan juga boleh menjadi punca.

“Sekiranya doktor tidak dapat mengesan penyebab seperti di atas, barulah kita fikirkan masalah kesihatan mental yang dikategorikan sebagai faktor bukan organik atau faktor functional yang disebabkan genetik, persekitaran, psikologi dan sosiologi.

“Kes-kes ini termasuklah *Brief Psychotic Disorder*

(kecelaruan psikotik sementara), *Dissociative Disorder* (kecelaruan jati diri), amuk dan histeria,” jelasnya.

KESAN TANDA AWAL

KES pembunuhan yang tular di media sosial membuatkan ramai yang berkongsi *#depressionisreal* di laman sosial masing-masing. Tidak kurang juga yang menzahirkan rasa simpati kepada keluarga suspek. Dalam situasi ini, bagaimana masyarakat perlu faham bahawa depresi, stres tidak boleh dipandang ringan?

Menurut statistik National Health and Morbidity Survey 2019 oleh Kementerian Kesihatan (KKM), antara ancaman tertinggi yang boleh mengakibatkan berlakunya masalah mental di Malaysia ialah menghisap rokok iaitu sebanyak 21.3 peratus (%) dan pengambilan alkohol 11.8%.

Sebanyak 2.3% dari orang dewasa menghidap depresi manakala 7.9% atau 424,000 pula terdiri daripada kanak-kanak berumur antara lima hingga 15 tahun. Masalah mental juga melibatkan 100,000 orang penagih dadah dan dadah yang paling banyak digunakan ialah marijuana.

“Menurut KKM juga, dalam tempoh Mac 2020 hingga 20 Mei 2021, sebanyak 85.5% daripada 145,173 panggilan yang diterima adalah membabitkan isu kesihatan


mental yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling seperti stres akut, keresahan, kemurungan, penderaan dan tingkah laku bunuh diri.

“Masalah depresi mesti dipandang serius kerana jika gagal ditangani dengan baik ia boleh menjejaskan kualiti hidup, kerja, akademik, sosial dan rohaniah. Masyarakat perlu membaca, peka serta meningkatkan ilmu mengenai penyakit mental melalui penglibatan dalam program yang dianjurkan.

“Masyarakat perlu dididik dengan lebih proaktif tanda awal penyakit mental. Kita perlu tahu cara yang asas untuk berdepan dengan orang yang depresi ataupun individu yang agresif serta bekerjasama dengan doktor agar pesakit dapat dirawat dengan baik.

“Stigma dan pemikiran negatif terhadap pesakit mental perlu dihapuskan. Perkataan gila atau sasau sebagai contoh tidak seharusnya digunakan sebaliknya ahli keluarga, rakan terdekat, seluruh anggota masyarakat serta kerajaan perlu bersedia menghulurkan bantuan,” ujarnya.

Secara puratanya, kaum lelaki lebih sukar meluahkan perasaan kerana sifat mereka yang memimpin dan bukan dipimpin berbanding wanita lebih mudah menyuarkan isi hati dan lebih cenderung mendapatkan pertolongan. 





Nyawa tidak dibalas nyawa

KES pembunuhan yang berlaku akhir-akhir ini mengemparkan negara sehingga rakyat membayangkan situasi sekarang tidak selamat dan dikelilingi oleh individu yang berniat jahat.

Penjenayah ini dilihat bukan sahaja tidak gentar dengan penguatkuasaan undang-undang malah begitu berani melakukannya tanpa rasa bersalah.

Mengulas mengenainya, Pakar Undang-Undang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Dr Salawati Mat Basir** mengakui masyarakat kini semakin tidak gentar dengan undang-undang malah ada yang lalai sehingga terjebak dengan jenayah tidak sepatutnya.

“Walaupun undang-undang negara sudah cukup kuat, namun ada pihak merasakan boleh terlepas dengan hukuman tegas melalui penghakiman mahkamah.

“Manusia hari ini dilihat semakin melampaui batas dan seolah-olah tidak lagi nampak undang-undang mengelilingi hidup mereka. Ada menganggap perundangan ini boleh dijual beli dan mempunyai jalan keluar sekiranya kejahatan-kejahatan dilakukan.

“Mereka menjadi tidak takut kerana beranggapan jika mengambil nyawa orang lain, mereka tidak akan dihukum gantung dan masih boleh dirayu di peringkat Mahkamah Persekutuan. Perundangan hari ini membenarkan kesalahan mengambil nyawa tidak

dibalas dengan nyawa,” ujarnya.

Salawati berkata kejadian jenayah termasuk pembunuhan kejam ini berkaitan dengan trend kehidupan semasa masyarakat khususnya membabitkan tekanan hidup.

“Cerita jenayah tidak semua sama, ada unsur komersial, kecurian atau cinta. Yang membuatkan

berbeza apabila ia membabitkan kehilangan nyawa dan keadaan sekeliling bagaimana membuatkan penjenayah ini bertindak di luar kawalan.

“Dalam jenayah bunuh ini, semua berperanan penting termasuk keadaan psikologi suspek, masalah kewangan, cemburu buta atau curang. Ia akan terjadi sekiranya kita sebagai manusia lalai dalam kehidupan dan cuai dalam bab agama,” ujarnya.

Beliau berkata walaupun pihak berkuasa atau kerajaan mengatakan kadar jenayah menurun namun ia tidak akan dinilai rakyat sekiranya berlaku kes yang menggemparkan negara seperti jenayah pembunuhan kejam.

“Bila adanya kes kontroversi pastinya rakyat akan ingat dan bimbang ia berulang di sekeliling mereka,” ujarnya.

Kes pembunuhan kejam dilaporkan di negara ini bukan jenayah biasa. Ia disifatkan paling tragis dan sadis serta benar-benar mencuri tumpuan masyarakat yang mana terselit seribu kisah tersendiri sejak ia berlaku pada tahun 1979 hingga hari ini.



SALAWATI

17 KES PEMBUNUHAN DI MALAYSIA

1. Pada 6 Januari lalu, media melaporkan penemuan mayat wanita tanpa kepala, kedua-dua tangan dan kaki dalam tong sampah di tepi jalan Alor Gajah-Tampin berdekatan Kampung Rimau, Pulau Sebang.

2 Ogos lalu, ujian DNA mengesahkan ia mayat guru wanita, Istiqomah Ahmad Rozi, 33, dilaporkan hilang 27 Disember 2023. Suspek lelaki yang juga bekas guru dijangka didakwa pada 19 Ogos 2024
2. Lelapan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Nur Farah Kartini Abdullah dikesan hilang pada 11 Julai lalu dan disahkan meninggal dunia apabila mayatnya ditemui di ladang kelapa sawit, Kampung Sri Kledang, FELDA Gedangsa, Hulu Selangor pada 15 Julai.

Suspek, Lans Koperal Muhammad Alif Monjani, 26, kini didakwa membunuh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama.
3. Mayat kanak-kanak autisme, Zayn Rayyan Abdul Matiin ditemui di saluran air berdekatan takungan air 200 meter dari rumahnya di Apartmen Idaman, Damansara Damai, Petaling Jaya, kira-kira pukul 10 malam pada 6 Disember 2023.
4. Seorang gadis, Nur Anisah Abdul Wahab, 21, dipukul hingga mati oleh teman lakinya sebelum perut mangsa toreh dan mayatnya dibakar di kebun kelapa sawit di Sungai Limau, Sungai Besar, Selangor pada 22 Mei 2023.
5. Seorang remaja perempuan, Siti Nur Surya Ismail, 19, ditemui mati di rumahnya dengan pergelangan tangan kiri putus dan kesan kecederaan lain di bahagian muka dan badan di Kampung Lubuk Batu, Telemong, Hulu Terengganu, Terengganu, pada 1 November 2020. Suspek utama adalah rakan karibnya.
6. Pada 14 September 2017, kira-kira pukul 5.10 pagi, satu kejadian kebakaran telah berlaku di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah menyebabkan 23 orang penghuni yang terdiri daripada 21 orang pelajar dan dua orang guru terbunuh.
7. Pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain meninggal dunia di Hospital Serdang, 1 Jun 2017 selepas didera oleh sekumpulan pelajar dengan 90 tekapan seterika wap.

Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman gantung terhadap enam bekas penuntut UPNM kerana membunuh mangsa.
8. 8. Seorang kanak-kanak, Nurin Jazlin Jazimin, 8, dilaporkan hilang ketika keluar ke pasar malam berhampiran rumahnya di Seksyen 1, Wangsa Maju pada 2017 dan mayatnya ditemui dalam sebuah beg sukan ditinggalkan di hadapan sebuah rumah kedai di PJS 1/48, Petaling Jaya.

Identiti penyerang yang turut merogol mangsa masih bebas dan kes belum selesai sehingga hari ini.
9. Kes peragawati fesyen sambilan, Noritta Samsudin, 22, ditemui mati dalam keadaan bogel dengan leher dijerut sarung bantal manakala tangan serta kaki diikat dengan wayar seterika di rumah sewanya di Kondominium Puncak Prima, Sri Hartamas pada 5 Disember 2023. Misteri siapa pembunuhnya masih belum diketahui dan belum ada penghubungannya.
10. Timbalan Ketua Bahagian Bicara dan Rayuan dari Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Anthony Kevin Morais dilaporkan hilang pada 4 September 2015. Mayatnya ditemui dalam sebuah tong berisi konkrit di Jalan Subang 3, Taman Subang Mewah, USJ 1, Petaling Jaya.
11. Jutaan kosmetik, Datuk Sosilawati Lawiya dibunuh dengan kejam bersama-sama tiga rakan yang lain di Morib, Selangor pada September 2010. Mayat dibuang dan dibakar di ladang ternakan ayam dekat Tanjung Layang, Morib.
12. Pembunuhan berprofil tinggi membabitkan rakyat Mongolia, Altantuya Shaariibuu di Mukim Bukit Raja berdekatan Shah Alam, Selangor antara pukul 10 malam 19 Oktober dan 1 pagi 20 Oktober 2006. Mayatnya ditemui pada 7 November 2006 iaitu 17 hari selepas dia diletupkan dengan bahan letupan C4.
13. Penganalisis teknologi maklumat (IT), Canny Ong Lay Kian dibunuh dengan kejam pada 13 Jun 2003 dan mayatnya dibakar di sebuah lubang/longkang di tapak pembinaan Projek Lebuhraya Pantai Baru, Petaling Jaya pada 17 Jun 2003.
14. Seorang jurutera komputer, Noor Suzaili Mukhtar menjadi mangsa pembunuhan kejam pada 7 Oktober 2000. Mangsa dirogol, diliwat dan dibunuh di dalam sebuah bas persiaran ketika dalam perjalanan untuk ke tempat kerjanya.
15. Bekas ahli Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Pahang, Datuk Mazlan Idris dibunuh kejam pada 1993 oleh penyanyi dan juga bomoh, Mona Fendy dan pasangan Mohd Affandi Abdul Rahman. Mangsa dipancung, badannya dikerat dan sebahagian kulitnya disiat dengan badannya dipotong kepada 18 bahagian.
16. Seorang pengacara televisyen, Intan Yusniza Mohd Yunus bersama ibu angkatnya Haniza Ismail mati dibunuh di rumah panjang seri budiman Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur antara pukul 9.30 malam 22 Jun dan 7.42 pagi 24 Jun 1991.
17. Ratu cantik Malaysia, Jean Perera Sinnappa dibunuh pada 6 April 1979 dengan mayatnya ditemui di dalam keretanya di Lebuhraya Persekutuan berhampiran selekoh menghala ke Lapangan Terbang Subang.



GENTA 2024 meriahkan Hari Malaysia

AMIN FARIJ HASAN
FOTO: DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

SEMPENA dengan Sambutan Hari Malaysia 2024, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2024 (KL GENTA 2024) mulai 10 hingga 15 September 2024 lalu. Malam kemuncak pada 14 September 2024 di Dataran Merdeka dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif. Menurut Maimunah, festival ini dilihat sebagai platform utama pembelajaran dan interaksi kepada semua peserta festival bagi mempelajari keunikan muzik pergendangan, tarian, kostum dan seni warisan negara-negara yang menyertai festival ini.

"Ianya merupakan salah satu inisiatif DBKL untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara menerusi segmen pelancongan budaya," katanya.

Seramai 250 peserta daripada 11 kumpulan merangkumi pemuzik pergendangan dan penari dibawa khas dari Thailand, Vietnam, Singapura dan Indonesia manakala penyertaan tempatan pula adalah dari Kumpulan Kebudayaan dan Kesenian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) serta penglibatan Sekolah Seni Malaysia Johor dan Kumpulan Kesenian DBKL.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan artis jemputan Aina Abdul, Noraniza Idris dan Osama Yamani selain persembahan Dikir Barat Akademi Arjunasukma. 





Gema Selawat di Dataran Merdeka

BERSEMPENA Sambutan Maulidur Rasul yang jatuh pada tarikh yang sama dengan Sambutan Hari Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Program Gema Selawat Kuala Lumpur pada 15 September 2024 di Dataran Merdeka.

Program dimulakan oleh kumpulan nasyid Hijjaz dengan bacaan sirah annabawiyah, Mahalul Qiyam (selawat beramai-ramai) dan tausiyah serta persembahan qasidah daripada kumpulan hadrah yang dijemput khas iaitu Kumpulan Nur Ahli Badar dan Kumpulan Qasidah Firqah Hadiqah Nadiyah.

Dalam masa sama, turut diadakan ceramah agama oleh Dr Syed Shadrizan Syed Mohamad Wan Helmi Wan Mohamed atau lebih dikenali sebagai Maulana Wan Helmi dan Hushim Salleh.

Gema Selawat Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif DBKL untuk memperkasakan program berbentuk kerohanian agar dapat sama-sama dihayati dan difahami oleh semua yang hadir. 🇲🇾



Putrajaya Wetland Adventure Park

MENCABAR ADRENALIN

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

PUTRAJAYA merupakan antara lokasi pilihan bagi mereka yang suka kan aktiviti sukan lasak dan ekstrem. Selain Taman Cabaran yang mengumpulkan empat disiplin utama seperti papan luncur, mendaki tembok tiruan, Bicycle Motorcross (BMX) dan Mountain Bike (MTB), kini terdapat satu lagi destinasi wajib singgah iaitu Putrajaya Wetland Adventure Park.

Terletak di kawasan hijau di sekitar Wetland Putrajaya, pusat tarikan yang baharu sahaja dibuka pada 17 Ogos lalu menawarkan pelbagai aktiviti mencabar yang menjanjikan pengalaman menakutkan kepada para pengunjung.

Menurut pemiliknya, **Mohd Nor Arif Mohd Azmi**, antara aktiviti menarik yang ditawarkan adalah *flying fox*, *leap of faith*, *abseiling* dan *wall climbing*.

"Kelainan pada aktiviti di sini adalah kita mempunyai *flying fox* terpanjang iaitu 420 meter.

"Bagi aktiviti *flying fox* minimum berat yang disarankan adalah 30 kilogram (kg) dan 110kg adalah berat maksimum. Ia juga bersesuaian untuk kanak-kanak berumur 10 tahun dan ke atas.

"Selain itu, *leap of faith* pula adalah salah satu lagi tarikan yang akan menguji keberanian anda untuk melompat dari ketinggian 15 meter (m) dan menangkap tali yang disediakan. Pastinya pengalaman ini tidak dapat dilupakan.

"Bukan sahaja keberanian tapi ia juga membuktikan sejauh mana anda percaya dengan diri sendiri menerusi aktiviti tersebut.

Bagi mereka yang gayat pastinya mencabar adrenalin anda untuk melakukannya," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Arif berkata aktiviti *abseiling* pula menawarkan pengalaman turun dari ketinggian 15m dengan cara yang selamat dan terkawal.

"Aktiviti tersebut memerlukan kemahiran serta ketepatan kerana peserta akan turun menggunakan tali dari struktur yang tinggi.

"Selain itu, untuk cabaran fizikal yang memerlukan kekuatan dan kecekapan, kita mempunyai aktiviti *rock climbing* dengan ketinggian 10m.

"Dinding panjang yang pelbagai tingkat ini direka untuk memberi cabaran kepada pendaki daripada pelbagai tahap kemahiran. Aktiviti ini sesuai untuk mereka yang baru belajar sehinggalah pemanjat yang berpengalaman dan ia bukan sahaja memerlukan kekuatan fizikal tetapi juga strategi serta keazaman," ujarnya.

Jelasnya, setiap aktiviti dirancang khusus untuk pengunjung yang ingin menguji keberanian sambil menikmati keindahan alam semula jadi di Putrajaya.

Berkongsi soal keselamatan, Arif berkata aktiviti yang ditawarkan adalah bersesuaian untuk golongan dewasa mahupun kanak-kanak.

"Di setiap lokasi aktiviti, kita letakkan seorang atau dua orang pekerja yang terlatih di mana penerangan ringkas mengenai tatacara untuk melakukan aktiviti tersebut akan diberikan terlebih



dahulu kepada setiap individu manakala seorang lagi staf akan tunggu di bawah. Keselamatan anda semua terjamin, itu janji dan keutamaan kami," ujarnya.

Tambah Arif, Putrajaya Wetland Adventure Park mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga Putrajaya dan sekitarnya terutama pada hujung minggu.

"Kita bukan sahaja menjadi pilihan anak muda malah mereka yang berkeluarga serta kumpulan kakitangan awam dan swasta juga tidak melepaskan peluang mengunjungi lokasi ini.

"Susulan itu, kita melanjutkan harga promosi yang sepatutnya berakhir pada 31 Ogos lalu ke 30 September bagi memberi peluang kepada lebih ramai penggemar sukan lasak untuk mencuba aktiviti yang ditawarkan dengan harga yang rendah.

"Kita tawarkan sebanyak 40 peratus diskaun buat para pengunjung, untuk 13 tahun ke atas RM50 (asal RM88) manakala



kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun hanya RM30 (RM68)," katanya.

Dalam pada itu, Arif mengharapkan taman pengembaraan ini bakal menjadi satu tarikan terbaharu di Putrajaya yang mampu menarik lebih ramai pelancong serta membantu menaikkan ekonomi di

pusat pentadbiran ini.

"Orang Putrajaya dan sekitarnya, jangan lupa untuk datang ke Putrajaya Wetland Adventure Park sementara promosi masih ada. Anda pasti dapat *healing* sambil melakukan aktiviti sihat bersama rakan atau keluarga," ujarnya. 



Alamat: **Taman Semarak, Wetland Putrajaya**
Waktu Operasi : **Rabu hingga Ahad (8 pagi sehingga 7 malam)**



Pavillion WP MAHA 2024

HIMPUN TARIKAN 3 WILAYAH

DIANA AMIR

MERAIKAN penganjuran 100 tahun Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, julung kalinya Pavillion Wilayah Persekutuan (WP) dengan gabungan ketiga-tiga WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan membuka pintu kepada para pengunjung dengan pelbagai aktiviti menarik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata menerusi Pavillion WP mereka mengetengahkan produk yang pelbagai dari ketiga-tiga Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada makanan, barangan, tanaman dan banyak lagi.

“Kita juga mempunyai Laman Wilayah Persekutuan yang menjadi komponen utama Pavillion WP di MAHA 2024 yang mana struktur ini akan kekal di sini meskipun selepas penganjuran MAHA.

“Struktur Laman Wilayah Persekutuan dibina dengan menerapkan teknologi binaan terkini *Green Building* yang dilengkapi dengan penggunaan lampu diod pemancar cahaya (LED),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Laman Wilayah Persekutuan di MAHA 2024 bertempat di MAEPS, Serdang baru-baru ini.

Zaliha berkata pameran produk biodegrasi juga turut diadakan di Pavillion Wilayah Persekutuan.

“Kita juga mengambil kira kelestarian alam dengan penggunaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS).

“Selain itu, di Pavillion Wilayah Persekutuan ini juga para pengunjung dapat menambah pengetahuan mengenai *Urban Farming* di laman Kebun Komuniti Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21 KL),” ujarnya.

Beliau berkata kali ini juga Pavillion WP mengetengahkan elemen bandar dalam taman dengan membawa seramai 16 usahawan PUJI Wilayah Persekutuan di Bazar Jualan.

“Pelbagai produk yang kita



ZALIHA (tengah) hadir di Pavillion Wilayah Persekutuan pada Khamis.

tonjolkan seperti mochi, pastri, roti john, kraf tangan, produk kecantikan dan banyak lagi buat pengunjung MAHA 2024.

“Usahawan yang terlibat merupakan individu-individu yang berjaya menerusi Program Usahawan PUJI di mana produk mereka telah pun mendapat tempat di komuniti masing-masing dan sebahagiannya telah pun memasarkan produk di luar Wilayah Persekutuan dan mampu menjana pendapatan sehingga RM17,000.

“Ada yang berjaya mengambil pekerja lain dan ada juga yang berjaya mengembangkan produk mereka kepada usahawan baru dan mereka ini memberi semula kepada komuniti.

“Ini juga menjadi platform kepada usahawan-usahawan PUJI untuk berkongsi pengalaman, bertukar idea dan mencari rakan niaga yang berpotensi,” jelas beliau.

Terdahulu, turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif;

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Noridah Abdul Rahim; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Tambah Zaliha, daya tarikan utama adalah segmen Wilayah Persekutuan Berkongsi RASA turut diadakan di mana pelbagai *signature food* yang menjadi kegemaran orang ramai dihidangkan.

“Ia termasuk makanan-makanan tular di sekitar Wilayah Persekutuan sebagai contoh kita bawakan kelazatan makanan dari Labuan iaitu sup ikan dan ambuyat untuk pengunjung merasai sendiri keenakan makanan tersebut.

“Tidak dilupakan bubur lambuk dan nasi lemak Kampung Baru *legend* turut dibawa sama dan pelbagai lagi jenis makanan istimewa Jom ramai-ramai ke

Tenggara bermula pada tahun 1923 dan melangkaui satu abad penganjuran, MAHA telah menjadi pameran sektor pertanian yang sentiasa dinanti oleh segenap lapisan masyarakat kerana membawa elemen teknologi terkini dan penekanan pameran bersifat interaktif dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Menyasarkan seramai tiga juta pengunjung, MAHA 2024 berlangsung pada 11 hingga 22 September ini bertempat di MAEPS, Serdang bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam dengan pelbagai pengisian menarik menanti pengunjung. **11**



Laman WP melihat setiap produk yang dibawakan pada kali ini,” ujarnya.

Terdahulu, MAHA telah menjadi pameran pertanian utama dan terbesar di Asia

Rizalman hulur jariah menerusi Yayasan RI

CATATAN ‘SAHAM AKHIRAT’

ASALNYA objektif utama penubuhan Yayasan Rizalman Ibrahim (Yayasan RI) untuk memberi peluang kepada masyarakat mendalami pengajian Al-Quran secara percuma. Ini kerana, naluri pengasasnya, **Datuk Rizalman Ibrahim** lebih banyak terdorong pada nawaitunya untuk melakukan jariah dengan menyediakan prasarana yang kondusif selain perkhidmatan yang komprehensif.

Hasrat yang baik dan niat Rizalman yang mulia itu dipermudahkan Allah menerusi Dar Al-Qari Resources (Dar Al-Qari) yang diasaskan untuk memastikan literasi Al-Quran dalam kalangan umat Islam khususnya mereka yang berhajat untuk mendalaminya. Bertitik tolak dari situ, pusat pengajian Al-Quran diasaskan di Johor Bahru dan Kuala Lumpur itu menarik minat ramai.

“Alhamdulillah, sejak dari awal lagi penubuhan Dar Al-Qari ialah untuk berdakwah dan usaha itu semakin berkembang,” kata Ketua Pegawai Operasi Dar Al-Qari Resources, **Jailani Jantan** dalam wawancara baru-baru ini.

Kepada Jailani, setiap usaha yang dirintis oleh Yayasan RI memberi pemahaman mendalam bahawa kerja-kerja dakwah mencakupi ruang yang sangat besar.

Beliau memberikan contoh bagaimana Rizalman terdetik hati untuk membawa golongan penggali kubur, orang yang memandikan jenazah, muazzin mahupun mualaf untuk menunaikan ibadah umrah di bawan portfolio Musafiri.

Kata Jailani, menawarkan peluang mengerjakan umrah kepada golongan yang tidak pernah terfikir akan berkunjung ke Tanah Suci atau tidak memiliki kemampuan menawarkan erti yang sangat besar buat Yayasan RI.

“Saya secara peribadi sangat sebak dan terharu melihat mereka yang kali pertama menjejaskan kaki ke Masjidil Haram. Saya dapat merasakan betapa luhur dan jujur mereka dalam mensyukuri peluang yang Allah berikan.

“Peluang buat saya dan pasukan membimbing golongan ini ke Tanah Suci juga memberi kepuasan dan kegembiraan kepada kami. Perasaan itu tidak dapat digambarkan dengan kata-kata,” kata Jailani lagi.

Untuk rekod, sehingga kini 200 golongan yang terpilih sudah berpeluang menunaikan umrah di bawah tajaan Yayasan RI di bawah portfolio Musafiri. Sementara tajaan kenderaan jenazah pula sudah mencecah angka 14 buah.

Tidak ketinggalan dalam kerja-kerja baik pulih masjid pula, Yayasan RI telah menjelajah seluruh negara selepas mengenal pasti masjid-masjid yang memerlukan pemulihan. Yayasan RI juga ke Kemboja untuk membaik pulih masjid di sana.

Pada masa depan, Yayasan RI akan bekerjasama dengan universiti tempatan untuk menulis semula enam kitab hadis utama ke bahasa Melayu.

“Kita mendapati tiada kitab hadis dalam bahasa Melayu, paling terdekat dalam bahasa Indonesia. Insya-Allah segala gerak kerja sudah digerakkan dan insya-Allah apabila siap kelak akan kami edarkan,” jelas Jailani mengenai enam kitab, hadis iaitu Bukhari, Muslim, al-Nasai, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah.

Terbaharu, Yayasan RI selesai membaik pulih Rumah Komuniti Malaysia (MCH) Liverpool, United Kingdom, menerusi dana sebanyak RM500,000. Niat itu terbit selepas melihat premis berkenaan ‘tidak bermaya’ serta memerlukan pemuliharaan bagi memastikan peranannya kembali seperti sebelum itu.

Untuk rekod, bangunan tiga tingkat MCH Liverpool dibangunkan oleh sejumlah mantan kelasi kapal berbangsa Melayu di sekitar tahun 1970-an. Tujuan asal bagi membolehkan pesara-pesara itu dan keluarga terus meraikan kehidupan sebagai orang Melayu di penempatan di luar bandar yang jaraknya hampir 300 kilometer dari kota London.

Komitmen Yayasan RI pada MCH, kata Rizalman, bertitik tolak pada matlamat organisasi itu yang menjadi medium ke arah membina dan mengukuhkan komuniti sejagat.

Jauh lebih utama, bantuan ke MCH Liverpool di bawah jenama Qari International itu, jelas beliau, berteraskan pada tanggungjawab menyediakan prasarana dan perkhidmatan yang komprehensif dalam kerja-kerja pembangunan ummah.

“Sebagai khalifah di bumi Allah SWT, saya melihat ada keperluan untuk saya membantu. Ia bukan untuk diri saya tetapi lebih kepada memberi sinar dan harapan kepada warga Malaysia di Liverpool berhubung kepentingan MCH.

“Dari itu, saya menyimpan niat dan keazaman untuk memberikan sinar baharu kepada warga Malaysia di Liverpool dengan membaik pulih bangunan itu di bawah payung Yayasan RI,” kata Rizalman yang turun padang ke Liverpool bagi menyempurnakan majlis perasmian wajah baharu MCH, minggu lalu. 



RIZALMAN (kanan) di hadapan MCH Liverpool, United Kingdom.



PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.





harga

RM19.90



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan bagi Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 di Putrajaya.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Majlis Perasmian Laman Agro-Food Florikultur 'Miracle Garden' oleh Jabatan Pertanian Malaysia bersempena dengan penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di MAEPS, Serdang.



MENTERI Pendidikan, Fadhlina Sidek turun padang ke lokasi banjir di Kampung Besar, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

SEMINGGU



MENTERI Digital, Gobind Singh Deo menghadiri sambutan yang cukup meriah di acara Sambutan Malam Pesta Tanglung Kampung Tunku 2024 di SJKC Sungai Way.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa hadir ke Sambutan Hari Malaysia 2024 di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah.



MENTERI Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengadakan satu perjumpaan dan perbincangan bersama pengurusan tertinggi Salik Company PJSC (Salik) semasa lawatan kerja rasminya menghadiri Kongres Dunia Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) ke-30 di Dubai.



MEMAKNAI HARI MALAYSIA

Foto: JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

KETUA Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar di dalam majlis amanatnya pada 10 September lalu memberi penekanan bahawa telah tiba masanya perkhidmatan awam Malaysia bersedia mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat dan negara. Aspirasi Malaysia MADANI di bawah kepimpinan Perdana Menteri mengajak segenap rakyat dan seluruh jentera kerajaan untuk mengangkat martabat negara dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara hebat di dunia.

Sudah pasti, perkhidmatan awam Malaysia selaku jentera penggerak negara perlu mempertingkatkan kapasiti dan kompetensi demi mengizinkan segenap aspek dalam negara dipacu ke arah yang betul.

Acap kali perkhidmatan awam Malaysia dihambur pelbagai kritikan tentang isu-isu berkait dengan hambatan keberkesanan, kerenah birokrasi, masalah integriti, kecekapan urusan kaunter dan proses-proses yang mengambil masa terlalu panjang. Rakyat dan pemain di pelbagai sektor dalam negara melihat isu-isu ini sebagai kekangan utama yang sinonim dengan perkhidmatan awam Malaysia.

Selaku KSN baharu, beliau mengakui wujud kelemahan ini. Beliau melihat kritikan yang dilempar pelbagai pihak sebagai suatu perkara serius yang perlu diambil tindakan segera.

Justeru menjadi tekad beliau selaku penjawat awam nombor satu agar perkhidmatan awam Malaysia serta-merta melaksanakan reformasi secara menyeluruh. Strategi yang digariskan beliau amat jelas. Ia praktikal dan bukan retorik berasas slogan semata-mata. Perkhidmatan awam harus keluar daripada kepompong keselesaan dan perlu memperbaiki secara menyeluruh sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Semangat jiwa merdeka yang dilaungkan sempena sambutan Hari Kemerdekaan baru-baru ini harus menjadi pembakar semangat untuk merdeka daripada sikap

serta perlakuan negatif yang membelenggu diri dan organisasi. Kini masanya seluruh perkhidmatan awam untuk melangkah lebih jauh dan terbang lebih tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim acap kali menghargai sumbangan dan kerjasama penjawat awam yang banyak membantu mempertingkatkan pencapaian negara. Ini kerja berpasukan yang membolehkan martabat negara diangkat demi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Lebih mencabar adalah bagaimana untuk memastikan peningkatan dan pencapaian tinggi ini kekal berterusan. Sudah pasti ia memerlukan komitmen dan usaha berpasukan kepimpinan negara, rakyat jelata dan perkhidmatan awam.

Perkhidmatan awam perlu segera melaksana reformasi secara menyeluruh dengan kadar peningkatan kualiti yang munasabah. Dunia bergerak pantas dan untuk menjadi perkhidmatan awam yang mampu menyesuaikan perubahan, memerlukan tindakan daripada peringkat kepimpinan organisasi sehingga kepada jentera pelaksana.

Penjawat awam perlu bersedia mendepani pelbagai gelombang yang sedang dan bakal melanda. Teknologi berkembang pesat dengan penguasaan kecerdasan buatan (AI) yang menuntut peningkatan kemahiran berkaitan. Tahun 2025 Malaysia bakal menjadi Pengerusi ASEAN yang memerlukan perkhidmatan awam bersedia mempertingkatkan kapasiti dan kompetensi bertaraf dunia.

Pelaburan asing yang berjaya diyakinkan oleh Perdana Menteri untuk melabur di tempat kita amat memerlukan perkhidmatan unggul jentera kerajaan. Rakyat menjangkakan skim baharu perkhidmatan awam yang menyaksikan kenaikan gaji penjawat awam turut diterjemahkan kepada perkhidmatan yang berkesan.

Cabaran-cabaran ini adalah realiti yang perlu dihadapi oleh seluruh jentera perkhidmatan awam. Apabila Tan Sri Shamsul Azri mengajak seluruh penjawat awam membantu



beliau melaksana tanggungjawab ini, ia perlu disambut dengan serius. Amanah berkhidmat untuk negara adalah suatu usaha murni yang memberikan peluang kepada semua penjawat awam menyemai bakti dan menabur budi kepada negara.

Sejajar sambutan Hari Malaysia ke-61 pada 16 September lalu, semua penjawat awam wajar mencerminkan kembali ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan awam Malaysia. Agenda pembangunan negara memerlukan kerjasama erat di antara rakyat dan kerajaan demi perpaduan dan kemakmuran.

Sektor awam dan swasta saling melengkapi untuk memacu pertumbuhan seperti dirangka dalam strategi ekonomi MADANI. Kepimpinan negara dan penjawat awam adalah pasukan yang perlu bergerak seiring dengan pantas dan berkesan untuk menjayakan aspirasi Malaysia MADANI baik di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan komuniti dalam setiap lokaliti. Kebersamaan ini amat relevan sejajar cogan kata Bersekutu Bertambah Mutu sempena Hari Malaysia yang terpahat megah pada jata negara.

Apabila KSN mengajak setiap penjawat awam menghayati setiap prinsip Rukun Negara, beliau memperingatkan bahawa perkhidmatan awam harus menyedari peri penting ketaatan dan kesetiaan terhadap negara bertuah ini. Justeru beliau memilih untuk memperingat seluruh jentera perkhidmatan awam dengan identiti #TaatSetia agar seluruh penjawat awam menjaga amanah ini sebagai suatu tanggungjawab penting kepada negara.

Tahniah kepada seluruh penjawat awam, anda insan terpilih yang diberi kesempatan dalam kehidupan ini untuk menyumbang bakti kepada negara dalam bidang masing-masing. Selamat Hari Malaysia, kepada semua penjawat awam, andalah tonggak memacu kemakmuran negara.

PENULIS Khairil Hilmi Mokhtar merupakan Penganalisis Keselamatan Geo-Strategik.

HENTIKAN



**PENGHANTARAN KOMUNIKASI YANG MEMPUYAI CIRI-CIRI TERSEBUT ADALAH SATU PERBUATAN
YANG DILARANG DI BAWAH AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 (AKM 1998)**

PPR Batu Arang siap dibina

BAKAL DIDIAMİ 500 PENGHUNI

KHAIRUL IDIN

SEBANYAK 500 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Jalan Batu Arang, Tanjung Aru yang bernilai RM119 juta mula didiami penghuni yang terdiri daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) pada bulan Oktober ini.

PPR pertama dibina di pulau itu memiliki 500 unit kediaman di dua blok 13 tingkat dan setiap unit, dengan keluasan 700.19 kaki persegi selain mempunyai tiga bilik bagi memastikan ruang kediaman yang selesa untuk penduduk.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Aiman Athirah Sabu berkata projek PPR yang mula dilaksanakan pada tahun 2018 itu dibangunkan di atas tanah seluas 7.96 ekar.

Katanya ia turut dilengkapi kemudahan seperti taska, tadika, dewan serbaguna, surau, unit kedai dan gerai untuk kemudahan penduduk setempat dan kawasan sekitar.

"Projek PPR Batu Arang ini berkonsepkan kawasan kejiranan perumahan moden yang selesa dan selamat. Setiap unit rumah dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan, dapur dan langkan.

"PPR Batu Arang ini merupakan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

dalam usaha menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik kepada rakyat.

"Ianya Selaras dengan keputusan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN), bagi merealisasikan rumah mampu milik. Kerajaan Persekutuan akan membantu dari segi pemberian subsidi dan Kerajaan Negeri pula akan menyediakan tanah bagi tujuan pembangunan," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Kunci Program Residensi Rakyat (PRR) Batu Arang, baru-baru ini.

Tambah beliau, seiring dengan agenda Malaysia Madani, pembinaan PPR Batu Arang mengambil kira elemen keterhubungan dan akses Internet

seperti *fibre to the home* (FTTH), jaringan hubungan pengangkutan awam serta reka bentuk yang lebih ekonomik dan lebih selesa.

Sementara itu, seorang pesara kerajaan, **Zulkeflee Abdullah**, 66, meluahkan rasa syukur menjadi salah seorang penerima tawaran penyewaan di PPR Batu Arang.

Katanya, perasaan tersebut sukar dizahirkan kerana terlalu teruja setelah menanti perkembangan permohonan yang dibuatnya sejak enam tahun lalu.

Dia yang sebelum ini hanya menyewa rumah dengan kadar sewa RM1,000 agak terbeban untuk meneruskan kehidupan.

"Sejak enam tahun lalu saya sudah memohon untuk PPR ini, namun penantian itu telah berakhir dan kini saya telah berjaya menerima penawaran penyewaan di perumahan ini.

"Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan perumahan kos rendah ini kepada kami yang amat memerlukan tempat berteduh yang lebih murah dan selesa.

"Kesempatan yang diberikan ini akan saya jaga dengan sebaiknya. Selepas ini kami sekeluarga tidak lagi terbeban dengan kadar sewa rumah yang kian meningkat," katanya.

Chan Chee Kong, 63, pula berterima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan terhadap kesusahan dan bebanannya yang hanya mengharap hasil pendapatan berniaga secara kecil-kecilan.

"Saya dan isteri tidak menyangka akan menerima tawaran itu kerana sudah empat tahun permohonan dibuat namun tiada sebarang perkembangan.

"Namun pada bulan lalu, satu kejutan buat kami dan ia seolah-olah memberi nafas baharu kepada saya dan isteri," katanya.



CHEE KONG



ZULKEFLEE



AIMAN ATHIRAH (tengah) menyampaikan replika kunci rumah kepada salah seorang penerima.



INISIATIF Upaya@PUJI berperanan sebagai platform membantu golongan miskin tegar melalui latihan keusahawanan dan sokongan perniagaan.

IPR-BMT basmi miskin tegar

PROGRAM Inisiatif Pendapatan Rakyat - Basmi Miskin Tegar (IPR-BMT) yang dikelola oleh Kementerian Ekonomi kini sedang memainkan peranan penting dalam usaha membasmi miskin tegar di Labuan.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS), **Dr Jaludin Janteng**, melalui strategi serampang dua mata, IPR-BMT berfokus untuk membantu golongan miskin tegar menambah pendapatan sambil menyelesaikan masalah ekonomi harian mereka.

"Inisiatif ini merangkumi sektor perniagaan makanan, pertanian dan operator perkhidmatan. Ia diharap dapat mengurangkan jurang pendapatan antara golongan miskin tegar dan golongan berpendapatan sederhana di Labuan," ujarnya.

Beliau yang juga Penyelidik Inisiatif Pendapatan Rakyat di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berkata menerusi projek-projek seperti Basmi Miskin Tegar anjuran Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) dan kerjasama dengan Bank Rakyat dan UMSKAL, Projek Asnafpreneur Bank Rakyat 2.0 adalah salah satu contoh inisiatif yang telah membantu ramai golongan asnaf untuk memulakan perniagaan sendiri.

"Program tersebut dilihat bukan sahaja menyediakan modal, tetapi turut membekalkan latihan keusahawanan, pemasaran digital, membimbing peserta dalam aspek pengurusan perniagaan.

"Inisiatif ini telah berjaya melahirkan usahawan asnaf berdaya saing dan mampu berdikari melalui pelbagai jenis perniagaan," jelasnya.

Di Labuan, inisiatif seperti Program Usaha Jaya Insan (Upaya@PUJI) juga telah diperkenalkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bersama Perbadanan Labuan dengan kerjasama Institut Agro Usahawan (iGROW) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

"Program ini berperanan sebagai

platform membantu golongan miskin tegar melalui latihan keusahawanan dan sokongan perniagaan.

"Salah satu kejayaan besar program ini ialah peningkatan bilangan usahawan kecil yang mampu berdikari selepas menjalani latihan intensif serta mendapat sokongan dari segi pemasaran digital dan pengurusan kewangan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Jaludin menekankan bahawa inisiatif Lestari Niaga yang memperkenalkan gerai-gerai kecil di Labuan turut memainkan peranan penting dalam membantu peniaga kecil yang sebelum ini terjejas akibat pandemik COVID-19.

Setakat ini, 13 unit gerai telah dibina dan sembilan daripadanya telah diduduki oleh peniaga sedia ada.

Menurut beliau, baki empat unit akan dibuka kepada peniaga-peniaga baru, terutamanya mereka

yang telah menyertai program IPR-BMT.

"Gerai-gerai ini yang terletak di Taman Mutiara Sungai Bedaun dilengkapi kemudahan moden dan papan tanda yang seragam bagi menarik perhatian pengunjung, sekali gus membantu meningkatkan pendapatan peniaga kecil," katanya.

Inisiatif seperti ini bukan sahaja membantu dalam mengurangkan kadar kemiskinan di Labuan, tetapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi usahawan kecil.

Dengan fokus kepada keusahawanan dan inovasi sosial, Labuan terus memainkan peranan penting dalam usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar.

Kepakaran dan kerjasama pelbagai agensi juga dijangka akan memperkukuh lagi usaha-usaha ini di masa hadapan.

Jaludin menekankan bahawa usaha membasmi kemiskinan melalui keusahawanan inovatif perlu dilakukan secara berterusan dan menyeluruh.

"Kami berharap program-program ini memberi impak positif dalam jangka panjang dan tiada golongan yang tercicir," katanya.



JALUDIN

Menuju kejayaan

SELEPAS fenomena unik Lahaina Noon berlaku di Masjid Putra pada waktu tengah hari baru-baru ini, lebih 50,000 orang menghadiri Malam Cinta Rasul 2024 berlangsung di Dataran Putra di sini.

Malah Program Selawat Perdana bersempena sambutan Maulidur Rasul itu dimeriahkan pula dengan kedatangan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar** berkata acara kemuncak tersebut dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

"Program ini bermula dengan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah di Masjid Putra sebelum disusuli pula pelbagai pengisian tausiyah mengenai Rasulullah SAW," ujar beliau.

Antaranya disampaikan Mufti

Selangor, Datuk Anhar Opir; Mufti Pulau Pinang, Profesor Madya Datuk Dr Mohd Sukki Othman dan Timbalan Mufti Sabah, Datuk Abdul Manap Lakariba.

Tidak ketinggalan ialah pendakwah terkenal, Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid yang juga merupakan Pengerusi Yayasan Ar Riayah dan Pembimbing Majlis Ta'lim Darul Murtadza.

Acara yang disiarkan secara langsung menerusi stesen TV AlHijrah dan IKIMfm sehingga pukul 11 malam itu turut menyaksikan mereka berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

Dalam masa sama, aktiviti yang bertemakan 'Al Falah Pemacu Malaysia MADANI' itu juga dimeriahkan dengan selingan pelbagai lagu alunan zikir oleh beberapa artis dari kumpulan nasyid tempatan.

Tema sambutan Maulidur Rasul kali ini adalah manifestasi



YANG di-Pertuan Agong (dua kiri) berkenan mengurniakan Anugerah Maulidur Rasul kepada Michael Tong Wai Siong.

daripada intipati ajaran Rasulullah SAW serta sangat signifikan bagi memacu umat Islam di negara ini ke arah kejayaan hakiki di dunia dan akhirat.

Pengunjung di Masjid Putra turut dapat menyaksikan pameran artifak Rasulullah SAW dan sahabat, kiswah Kaabah serta manuskrip dan kesenian Islam

yang dibuka sejak Ahad.

Sementara itu, sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2024/1446H telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan melibatkan 6,000 peserta daripada 131 kontinjen.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan berangkat dan

bakal mengurniakan Anugerah Maulidur Rasul kepada enam penerima yang disyorkan jawatankuasa pemilihan.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda berdua pada pukul 9.32 pagi disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.



SEKITAR sidang media Majlis Prapelanaran Teater Cinta Ahmad Mutawakkil.

Angkat tema perpaduan dan kenegaraan

PPJ TERBIT TEATER

SABRINA SABRE

BERTEPATAN dengan kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang masih dirasakan, pihak Perbadanan Putrajaya (PPJ) tampil menerbitkan Teater Cinta Ahmad Mutawakkil (CAM) yang berlangsung pada 19 hingga 22 September ini bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Persembahan teater yang julung kalinya diadakan pada skala besar itu adalah bersempena penganjuran Festival Budaya Putrajaya 2024 dan akan dipentaskan pada 20 September 2024, pukul 8.30 malam, 21 dan 22 September 2024 (2.30 petang) bertempat di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Kompleks PPJ.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPJ, **Siti Fadilah Ramli**, teater CAM merupakan karya pertama yang akan diterbitkan oleh PPJ dalam usaha menjadikan Putrajaya sebagai hub seni budaya terutamanya teater.

"Hasrat ini adalah selaras dengan matlamat untuk menggalakkan

pembudayaan gaya hidup sihat yang seimbang dalam kalangan komuniti dari aspek kesihatan fizikal dan mental seperti dihasratkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

"Cadangan asal pementasan teater CAM adalah hasil cetusan idea Presiden PPJ, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud yang ingin melihat Putrajaya menjadi destinasi bagi penggiat seni teater berkarya kerana kemudahan infrastruktur sedia ada di sini amat sesuai menjadi lokasi perkembangan seni dan budaya," ujar beliau.

Siti Fadilah berkata CAM adalah cerpen karya Zainal Rashid Ahmad yang memenangi Hadiah Sastera Utama bagi kategori Cerpen Remaja Kumpulan Utusan 2002.

"Cerpen ini terkandung di dalam Antologi Teks Komponen Sastera (KOMSAS) Tingkatan 5 berjudul Sejadah Rindu.

"CAM mengangkat tema perpaduan dan kenegaraan terutama ketika negara menuju kemerdekaan.

"Selain itu, teater CAM kali ini mempunyai elemen seni budaya yang menepati objektif Festival Budaya Putrajaya 2024 seperti elemen muzikal, tarian, drama dan seni audio visual," ujarnya.

Lebih menarik, beliau memaklumkan ia turut ditawarkan secara percuma khas kepada pengunjung Festival Budaya Putrajaya 2024.

"Walau bagaimanapun, tempat duduk adalah terhad. Oleh yang demikian, semua peminat teater digalakkan untuk mendapatkan pas masuk lebih awal dengan mengimbas kod QR yang disediakan di poster yang telah dimuat naik di media sosial rasmi PPJ," ujarnya.

Terdahulu, Majlis Prapelanaran CAM yang diadakan di Taman Ekuestrian Putrajaya baru-baru ini turut dihadiri oleh Amirul Haswendi Ashari selaku pengarah dan penulis skip serta barisan pelakon yang akan membintangi teater tersebut antaranya Shah Iskandar, Mimi Enirda, Geoff Andfre, Along Eyzendy, Ain Sufia, AG Hafiz dan Md Husin.

Susun semula tapak penjaja

SELARAS dengan penekanan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap keperluan peniaga/penjaja kecil, Perbadanan Putrajaya (PPJ) telah melaksanakan penambahbaikan bagi memindahkan tapak peniaga kecil sementara (PKS) di Putrajaya ke tapak baharu.

Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPJ, **Rozimah Wahid**, tapak baharu tersebut dikenali sebagai Kios Penjaja Putrajaya yang dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Wilayah Persekutuan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan.

"Usaha tersebut bagi menggantikan tapak peniaga kecil sementara sebelum ini yang tidak tersusun kepada tapak tetap yang lebih sistematik dan seragam.

"Selain itu, ia juga bagi mempelbagaikan pilihan tapak dan lokasi baharu perniagaan berskala kecil dengan kadar sewaan yang rendah serta menyokong inisiatif Kerajaan untuk menjaga dan menyantuni kumpulan peniaga/penjaja kecil agar disediakan tempat perniagaan teratur, selesa dan bersih.

"Sehingga kini, kita mempunyai seramai 28 peniaga yang terlibat di mana 14 peniaga di sebelah pagi dan selebihnya pada waktu malam merangkumi empat lokasi iaitu di Presint 9, 15, 17 & 18," ujarnya.

Rozimah berkata dengan beroperasinya Kios Penjaja Putrajaya telah memberi impak dalam aspek sosioekonomi Putrajaya.

"Antaranya merancang aktiviti ekonomi setempat menerusi peluang berniaga kepada komuniti Putrajaya khususnya golongan B40 dan belia dengan kadar sewa serendah RM200 sebulan.

"Dalam pada itu, selaras dengan imej Putrajaya sebagai 'Bandar dalam Taman' dan 'Bandar Hijau', projek dan operasi Kios Penjaja Putrajaya turut menitikberatkan aspek kelestarian seperti pembangunan tapak kios berkonsepkan *outdoor* tanpa struktur binaan konkrit yang dominan bagi memastikan ianya lebih mesra persekitaran (*eco-friendly*).

"Lokasi tapak kios juga berada di kawasan terbuka dan hijau termasuk di taman awam Putrajaya sekali gus menarik minat pengunjung untuk beriadah dan bersukan di taman-taman tersebut," ujarnya.

Mengulas lanjut, Rozimah berkata dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kios Penjaja Putrajaya berpotensi untuk diperluaskan lagi pembinaan dan pengoperasiannya di Putrajaya susulan permohonan menggalakan diterima daripada penjaja selain bagi memenuhi keperluan warga Putrajaya.



RAHIMI (tengah) menghadihkan pingat emas pertama buat Malaysia di Suva, Fiji.

Malaysia raih 5 emas, 1 perak, 2 gangsa

ANGKAT BERAT CEMERLANG DI FIJI

SABRINA SABRE

SKUAD angkat berat negara terus mempamerkan aksi cemerlang untuk melayakkan diri ke Sukan Komanwel 2026 selepas berjaya menggondol lima pingat emas, satu perak dan dua gangsa di Suva, Fiji.

Menurut Presiden Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM), **Datuk Ayub Rahmat**, kejayaan tersebut merupakan satu permulaan yang baik dan atlet perlu bekerja keras dalam tempoh setahun ini sebelum menjelang Sukan Komanwel 2026.

"Alhamdulillah pasukan angkat berat Malaysia berjaya mencatatkan kejayaan yang cemerlang dalam Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2024 di Fiji.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada pengurus, jurulatih dan atlet. Ini merupakan permulaan baik bagi langkah besar yang akan mendatang,"

ujar beliau.

Pada Selasa lalu, Muhammad Rahimi Sulaiman Lat memenangi pingat emas kategori 55 kilogram (kg) dengan jumlah angkatan 228kg menewaskan dua pencabar dari India, A Maharajan yang membawa pulang perak (217kg) dan Dabulal Hembrom gangsa (202kg).

Seterusnya, jaguh angkat berat negara, Mohamad Aniq Kasdan menebus kekecewaannya di Sukan Olimpik Paris 2024 apabila berjaya merangkul pingat emas dalam kategori 61kg.

Lebih manis, atlet berusia 22 tahun itu turut melebur rekod kebangsaan selepas menyempurnakan angkatan keseluruhan 298kg mengatasi angkatan 297kg yang dilakukannya di Paris 2024, untuk menduduki tempat keempat.

Pingat perak dimenangi Morea

Baru dari Papua New Guinea dengan angkatan keseluruhan 265kg manakala gangsa milik seorang lagi atlet negara, Mohammad Amin Hakimi Mohd Shukry dengan 243kg.

Dalam masa sama, Mohammad Amin Hakimi (61kg - junior), Muhamad Aznil Bidin (67kg - senior) dan Nurul Syasya Khairina (59kg - youth) turut menghadihkan emas dan Nur Syazwani Radzi (64kg - senior) memperoleh gangsa.

Badang negara, Muhammad Erry Hidayat yang juga anak kepada legenda angkat berat negara, Hidayat Hamidon turut meraih pingat perak dengan jumlah angkatan keseluruhan 308kg.

Terdahulu, kejohanan yang disertai 210 jaguh angkat berat dari 25 negara itu bermula pada 18 hingga 21 September 2024.

PBKL terima tajaan van

PENANTIAN Persatuan Berbasikal Kuala Lumpur (PBKL) untuk mendapatkan sebuah kenderaan bagi membantu memudahkan perjalanan atlet kini berakhir apabila menerima tajaan baru-baru ini.

Presiden Yayasan Metamorphosis, **Datuk Razalif Mohamad Zain** berkata pihaknya berbesar hati untuk mengadakan kerjasama bersama pihak PBKL dalam memartabatkan lagi sukan berbasikal di Malaysia.

"Kita telah memberikan sebuah van kerana difahamkan pihak persatuan memerlukan sebuah kenderaan untuk membawa pelumba bagi sesi latihan, pertandingan dan sebagainya.

"Selain itu, Yayasan Metamorphosis juga akan menyalurkan sedikit dana kira-kira RM500,000 sehingga RM1 juta untuk kegunaan pihak PBKL," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kenderaan Tajaan kepada PBKL baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh.

Mengulas lanjut, Razalif berkata pihaknya juga sudah berbincang dengan wakil PBKL untuk membawa persatuan ini didaftarkan sebagai semi pro di peringkat persatuan berbasikal Wilayah Persekutuan.

"Matlamat kita adalah untuk memastikan dan membawa para atlet ke peringkat yang lebih jauh seperti antarabangsa dan menyertai lebih banyak kejohanan. Menerusi ini juga kita dapat mencari lebih ramai pelapis bagi sukan berbasikal.

"Seperti kita ketahui sukan berbasikal ini adalah sukan elit di mana ia memerlukan perbelanjaan wang yang banyak jadi Yayasan Metamorphosis berbesar hati untuk menjalinkan kerjasama serta membantu apa yang perlu terutama dari segi dana," ujarnya.

Dalam pada itu, Nik Ahmad Zahiruddin turut mengucapkan tahniah di atas usaha PBKL dalam mencari penaja tersendiri.

"Tahniah kepada pihak persatuan kerana mempunyai inisiatif untuk mencari penaja sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada MSWP yang sememangnya kita tahu mempunyai dana yang terhad.

"Dengan adanya kenderaan sendiri, ia juga boleh digunakan dan dikongsi dengan persatuan lain sekiranya memerlukan dan apa yang lebih penting adalah PBKL boleh memberi lebih fokus kepada latihan atlet selepas ini," katanya.



RAZALIF

Pearly-Thinaah muncul juara

BEREGU wanita utama negara, Pearly Tan-M Thinaah hanya memerlukan 38 minit sebelum mengesahkan gelaran Terbuka Hong Kong 2024 di Hong Kong Coliseum, Kowloon pada Ahad.

Ia merupakan kejuaraan pertama gandingan negara pada musim ini, selepas mengecawakan pasangan di ranking ketiga dunia, Liu Sheng Shu-Tan Ning dari China 21-14, 21-14.

Pada aksi final, Pearly-Thinaah yang menghuni ranking kelapan dunia turun dengan corak permainan lebih agresif hingga lawan mereka nampak buntu dan melakukan banyak kesilapan mudah.

Thinaah berkata kejayaan dicapai

mereka ini merupakan hadiah kepada seluruh peminat sukan badminton tanah air sempena sambutan Hari Malaysia selepas terlepas kejuaraan di Terbuka Korea bulan lepas.

"Kami tidak pernah terfikir menjadi beregu wanita pertama Malaysia menjuarai Terbuka Hong Kong, jadi sudah pasti kami sangat gembira dapat melakukannya. Kejayaan ini membantu kami untuk lebih yakin pada masa akan datang.

"Ketika mata akhir, saya rasa kami sependapat untuk menamatkan permainan dengan cepat dan ia menyebabkan kami melakukan kesilapan mudah yang tidak

sepatutnya berlaku. Kami akan beri perhatian mengenai perkara ini dan lebih berwaspada," ujarnya.

Bagi Pearly pula, dia mengakui komunikasi berkesan adalah kunci kejayaan mereka dan berharap momentum kecemerlangan itu dapat diteruskan pada kejohanan akan datang.

Kejayaan ini sekali gus menamatkan kemarau kemenangan pasangan negara di Jelajah Dunia Persekutuan Badminton Dunia (BWF) yang kali terakhir diperoleh dua tahun lepas.

Untuk rekod, kali terakhir Pearly-Thinaah meraih gelaran juara ialah pada Terbuka Perancis 2022.



PEARLY-THINAAH menamatkan kemarau kemenangan di Jelajah Dunia BWF.

SEBAR AURA POSITIF

DEEL ANJER

BERGELAR seorang pengengaruh bukanlah mudah kerana apa sahaja yang dilakukan pasti menjadi ikutan. Jika perkara yang disebarkan membawa aura positif maka banyaklah manfaat berguna yang dapat membentuk masyarakat.

Tidak dinafikan juga ada segelintir pengengaruh yang menggunakan media sosial untuk berkongsi perkara yang tidak berfaedah namun di sebalik itu, kita juga boleh berasa bangga apabila masih ramai golongan ini yang mempamerkan contoh yang baik.

Bersama Wilayahku kita dekati barisan selebriti dan pengengaruh seperti Nadia Brian, Johan As'ari dan Aleeya Zailan yang sering menyebarkan kebaikan. Jadi, sebagai pengguna media sosial, anda perlu bijak buat pilihan ikut yang baik atau buruk. 

Amalan memasak jadi inspirasi

PEMPENGARUH terkenal yang juga ahli perniagaan, **Aleeya Zailan** menjadi contoh atau ikutan yang baik apabila sering bersedekah melalui masakannya.

Pada Hari Raya Aidiladha yang lalu, Aleeya juga menyumbangkan 200 kilogram daging korban dengan mengorbankan dua ekor lembu sado kepada orang ramai.

Selain celotehnya yang menceriakan dan penuh nasihat ketika siaran langsung memasak, amalan sedekah dan pemurah Aleeya menjadi inspirasi buat hampir 600,000 pengikut di Instagram dan 1.2 juta di TikTok.

"Netizen selalu tanya saya kenapa masak banyak-banyak dan sering bersedekah terutamanya berkaitan makanan. Mereka selalu tanya kenapa rajin sangat sediakan hidangan meriah seperti lauk kenduri.

"Saya akui pernah hidup susah dulu.

Rasa terliur bila tengok seronoknya orang lain dapat makan. Jadi niat saya mahu berkongsi rezeki yang ada dengan orang sekeliling seperti jiran, pekerja dan masyarakat setempat.

"Alhamdulillah, saya telah diberikan rezeki yang lebih oleh Allah dan itu membuatkan saya tak pernah berkira dengan orang sekeliling lebih-lebih lagi soal makanan. Apa yang saya makan, itulah yang pekerja saya makan," katanya.

Aleeya turut mengakui mempunyai pekerja yang ramai menguatkan semangatnya untuk memasak.

"Kalau ikutkan, biasanya orang masak untuk keluarga sajalah, tapi saya tak macam tu. Sebenarnya, bersedekah dan berkongsi makanan ini amalan yang dituntut dalam agama kita. Selain ia mampu merapatkan silaturahim, ia sebenarnya antara cara kita bersyukur apabila berkongsi rezeki yang ada dengan orang lain," tambahnya. 



Suarakan kezaliman Israel

SELEBRITI jelita, **Nadia Brian** antara artis yang tidak pernah berhenti menggunakan media sosialnya dalam menyuarakan kezaliman Israel terhadap penduduk Palestin. Berbekalkan pengikut hampir sejuta di Instagram dan lebih 426,000 di TikTok, Nadia menggunakan kelebihan itu untuk terus membela saudara Islam di Palestin.

"Apa pun yang berlaku, di mana pun saya berada, sibuk macam mana pun, saya tetap tidak lupa membuat hantaran atau status berkenaan Palestin. Saya tak boleh lupa penderitaan Palestin yang sentiasa dalam hati dan fikiran saya.

"Mungkin saya tak berpeluang untuk pergi berperang, jadi saya sentiasa gunakan media sosial untuk mengajak orang ramai terus mendoakan Palestin. Itulah jihad saya.

"Alhamdulillah, apabila bersuara menerusi media sosial, ramai yang turut bersemangat dan berkobar-kobar menyebarkan apa sahaja tentang Palestin selain terus berdoa," ujarnya.

Menurut Nadia, dia sering memuat naik status berkaitan Palestin agar para pengikutnya tidak

melupakan kezaliman yang berlaku di sana.

"Kita boleh lakukan demi perjuangan untuk Palestin mengikut kemampuan kita. Teruskan berdoa sebanyak mungkin untuk saudara kita di Palestin. Selain doa Qunut Nazilah, berdoaalah bersama keluarga, agar anak-anak diajar erti persaudaraan sesama Islam," ujar Nadia. 



Galak netizen mengaji

PELAKON Johan As'ari, dikagumi ramai apabila gemar memuat naik video dan membuat *live* membaca ayat-ayat suci Al-Quran buat tatapan 100,000 pengikutnya di laman Instagram dan lebih 300,000 di TikTok.

Johan atau nama penuhnya Johan Ariff As'ari berkata mengaji adalah salah satu terapi dirinya dan sekali gus perkara baik yang dapat menarik minat golongan muda membaca kitab suci itu.

"Membaca Al-Quran merupakan satu terapi buat diri saya sejak dari dulu lagi. Saya suka berkongsi bacaan dengan semua orang kerana pahala mereka yang mendengar sama saja

dengan pahala orang yang membacanya.

"Mungkin ada netizen yang tidak sempat membaca Al-Quran kerana sibuk namun sekurang-kurangnya mereka boleh mendengar bacaan saya. Lagi pula mendengar bacaan ayat suci disifatkan sebagai santapan rohani yang berkesan dalam membersihkan dan menyinarkan jiwa setiap insan," katanya.

Menurut Johan, ini merupakan cara yang digunakan olehnya melalui media sosial untuk mengajak masyarakat melakukan kebaikan.

"Manusia hanya akan beroleh ketenangan sekiranya fitrah atau rohaninya terisi, subur dan sihat. Al-Quran ibarat penawar buat hati dan fikiran yang nescaya mampu memberikan ketenangan untuk hidup di dunia serta kebahagiaan di akhirat.

"Kalau rasa stres, serabut atau tak gembira, bacalah Al-Quran. Percayalah hati pasti tenang. Bukan itu sahaja, setiap satu huruf yang dibaca dikurniakan pahala," ujarnya.

Tambahnya, Allah SWT memberikan pahala yang amat besar kepada orang yang membaca Al-Quran. Malah, Baginda SAW turut berpesan, Al-Quran adalah sumber bagi banyak kebaikan kerana ia membekalkan pahala yang melimpah.

"Saya yakin, pasti ramai sedar dan tahu akan kelebihanannya. Jadi bagi mereka yang tak sempat baca, boleh dengar saya baca Al-Quran dalam media sosial," tambahnya. 





Galak netizen
mengaji ▶▶ 23



Pearly Thinaah
muncul juara ▶▶ 22

METRA SYAHRIL MOHAMED

MENJAGA dan berbuat baik terhadap kedua ibu bapa sememangnya menjadi kewajipan dan tanggungjawab anak-anak kerana tanpa mereka maka tiadalah kita di dunia ini.

Bagi yang masih mempunyai ibu bapa, khususnya yang telah tua atau terlantar sakit, ini masanya untuk anak-anak membalas jasa insan yang telah membesarkan kita dengan membahagiakan mereka.

Islam juga menuntut anak-anak supaya mendoakan kesejahteraan ibu bapa termasuk yang telah kembali ke rahmatullah.

Bercakap soal menjaga dan berbuat baik kepada ibu bapa, banyak ayat Al-Quran menyentuh hal berkenaan termasuk adab yang mesti dijaga ketika menyantuni atau hidup bersama mereka.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 23: *"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."*

'Teguran' Allah itu cukup menginsafkan bagi kita, tidak kira sama ada bapa atau ibu ada membuat salah dan 'mengecewakan' hati si anak, mereka tetap ibu atau bapa yang perlu dijaga serta dikasihi sehingga akhir hayat.

Begitulah mulianya kedudukan ibu bapa dalam Islam sehinggakan

Pengabaian terhadap ibu bapa

MENJAGA KERAMAT HIDUP

golongan itu ditekan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya di dalam Al-Quran.

Malah Allah SWT turut menekankan kepada bentuk bahasa yang perlu dielakkan ketika mendepani ibu bapa agar tidak mengguris hati serta perasaan mereka.


Tidak cukup dengan itu, berbakti kepada ibu bapa juga perlu diteruskan biarpun kedua-duanya sudah tiada, seperti mendoakan kesejahteraan selain bersedekah dengan meniatkannya atas nama mereka.

Itulah tuntutan-tuntutan agama agar kesinambungan jasa ibu bapa tidak dilupakan sama sekali.

Namun begitu, mutakhir ini kita sering dihidangkan dengan berita-berita pengabaian ibu bapa oleh anak-anak sehingga ada yang bertahun-tahun lamanya tidak menjenguk mereka. Keadaan ini cukup menyedihkan bagi insan yang telah berkorban apa sahaja untuk membesarkan anak-anak.

Diajak mengulas mengenai kes anak-anak yang didakwa mengabaikan ibu bapa, ia jelas memberi kesan yang amat mendukacitakan buat Penasihat Hal Ehwal Agama Islam di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), **Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor**.

Bekas Mufti Pulau Pinang itu menegaskan kepada semua mengenai dosa derhaka bagi anak-



MENGABAIKAN ibu bapa termasuk di dalam maksud derhaka paling besar dosanya. – Gambar hiasan

anak yang berkelakuan sedemikian.

"Memang amat mendukacitakan apabila terjadi kes anak-anak mengabaikan ibu bapa bertahun-tahun lamanya. Sikap sedemikian tidak diragukan lagi termasuk di dalam maksud derhaka terhadap ibu bapa yang paling besar dosanya selepas dosa syirik kepada Allah SWT," tegasnya kepada Wilayahku.

Beliau turut menegaskan bahawa Islam melarang anak-anak menderhakai ibu bapa walau

apa sekalipun yang kedua-duanya lakukan yang mungkin menyakitkan perasaan anak-anak.

Ini katanya, adalah kerana kedua-duanya tetap ibu bapa dalam keadaan apa sekalipun.

Tegas Wan Salim, syaitan memang sering menghasut seseorang supaya sentiasa mengenang perkara-perkara negatif yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap seseorang pada masa kecil.

"Tujuannya adalah untuk

menghalang seorang anak daripada membuat baik kepada ibu bapa," katanya.

Beliau memberitahu, walhal amat besar pahala di sisi Allah bagi sesiapa yang memberi layanan baik kepada ibu bapanya terutama ketika mereka berada di usia senja.

Katanya, semua sedia maklum bahawa agama Islam menyukai seseorang yang membalas dengan baik kejahatan orang lain ke atas dirinya.

"Ini lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa sendiri. Jika memaafkan kesalahan orang lain dianggap suatu amalan terpuji maka apa lagi memaafkan kesalahan ibu bapa," katanya.

Justeru beliau menasihati anak-anak yang mengabaikan ibu bapa sehingga tergamak membiarkan kedua-duanya atau salah seorangnya mati tanpa mengambil tahu, supaya segera bertaubat kepada Allah.

Mereka juga katanya, hendaklah membuat kebajikan dengan membanyakkan sedekah dan sebagainya dengan niat pahalanya disampaikan kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia.

"Semoga segala amal kebajikan itu mampu menebus dosa anak-anak disebabkan pengabaian terhadap kewajipan berbakti kepada ibu bapa," katanya.

Seperkara lain, ibu bapa merupakan anugerah terindah buat setiap insan dan anugerah berkenaan perlu dijaga sebaik-baiknya agar kita tidak tergolong sebagai anak derhaka seperti ditekan dalam agama.



WAN SALIM

SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR